ڤليتا بروني

# Pelita Brunei

AKHBAR RASMI KERAJAAN BRUNEI

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 28 BILANGAN 47 | RABU 23 NOVEMBER, 1983 | رابو 17 صفر 1404 | PERCUMA

## Kebawah D.Y.M.M. menerima mengadap Menteri Luar Thailand

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam pada petang hari Rabu lepas telah berkenan menerima mengadap Menteri Hal-Ehwal Luar Thailand, Tuan Yang Terutama Ketua Marshal Udara Siddhi Savetsila di Istana Darul Hana di sini (gambar kanan).

Menyertai beliau ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal-Ehwal Negeri Thailand, Tuan Yang Terutama Arsa Sarasin; Timbalan Pengarah Agung Jabatan Perikanan, Prof. Jaroon Suparb; dan Yang Dipertua Persatuan Perusahaan Thai, Tuan Pong Sarasin.

Berangkat sama ke Istiadat itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifudden Saadul Khairi Waddien; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammed Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah.

Pembesar negara yang hadir ialah Yang Teramat Berhormat Penasihat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa.

Selesai Istiadat itu, Tuan Yang Terutama dan rombongan kemudiannya berangkat ke Hijau Baiduri bagi menjunjung ziarah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah.

Berita lanjut dan gambar-gambar sila lihat muka tengah.



## Kilang Penapis mulakan pengeluaran

SERIA. — Kilang penapis minyak yang baru Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad di sini telah memulakan pengeluarannya pada hari Rabu lepas. Kilang yang berharga $104 juta berkeupayaan menghasilkan 10,000 tong minyak sehari.

Buat julung-julung kalinya kilang itu memproses minyak untuk kegunaan pesawat-pesawat kapal terbang. Di samping itu, campuran premium motor spirit yang dibuat di Muara kini dikendalikan di sini.

Minyak-minyak mentah yang diproses di kilang penapis tersebut diperolehi daripada pelantar minyak luar pantai.

## Pengarah Penerangan nafikan sangkaan:

# SAMBUT MERDEKA TIDAK BERSEMANGAT

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengarah Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman menafikan sangkaan yang kononnya pencapaian kemerdekaan negara ini tidak disambut dengan penuh semangat oleh rakyat dan penduduk negara ini.

Suasana yang senyap sepi dalam negara ini mencapai kemerdekaan, jelas beliau, sebahagian besarnya adalah disebabkan tidak adanya pertentangan di kalangan penduduk dan rakyat mengenai kemahuan untuk merdeka.

Sementara dari pengalaman juga menunjukkan bahawa tidak ada penindasan berlaku ke atas negara ini dan rakyatnya oleh mana-mana pihak secara yang mematutkan timbulnya perjuangan menentang atau melawan penindasan.

### PENINDASAN PENJAJAH

"Kalau orang lain mengalami apa yang dikatakan penindasan penjajah baik penjajah asing mahupun penjajah dari kalangan mereka sendiri langsung berlaku pertentangan di kalangan mereka atau terhadap kuasa asing maka itu adalah pengalaman masing-masing kerana latar belakang dan sebab yang tertentu," terang Awang Haji Badaruddin kepada lebih 100 orang penduduk Kampung Pudak dan sekitarnya.

Katanya lagi, keadaan sedemikian tidak berlaku di negara ini dan adalah tidak munasabah jika ia cuba dirasa-rasakan. Kerana itu adalah juga tidak munasabah kita menyambut kemerdekaan dengan riuh rendah.

### TIDAK PATUT

"Semua ini tidak patut menjadikan kita berperasaan malu atau rendah diri bila mengukur suasana merdeka kita dengan suasana merdeka orang lain," Pengarah Penerangan menegaskan lebih lanjut.

Perjumpaan Penerangan yang bertempat di Sekolah Melayu Pudak itu telah diadakan pada pagi Jumaat lepas dan merupakan Perjumpaan Penerangan yang ke sepuluh anjuran Bahagian Penerangan Jabatan Setiausaha Kerajaan.

Ceramah pagi itu seterusnya dilanjutkan dengan sesi tanya jawab yang dipengerusikan oleh Awang Tarif bin Abd. Hamid.

Terdahulu dari itu Awang Haji Akop bin Diris selaku pengerusi majlis telah juga menyampaikan ucapannya.

Di antara yang hadir ialah Datu Harimau Alam, Awang Haji Besar bin Munap, Penghulu Mukim Kota Batu; ketua-ketua kampung; dan pegawai-pegawai kanan Bahagian Penerangan Jabatan Setiausaha Kerajaan.



KEBAWAH Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin telah berkenan berangkat menyaksikan latihan tentera yang dijalankan di kawasan Bukit Angok pada hari Khamis lalu.

Gambar atas kelihatan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia sedang mendengar penerangan mengenai latihan oleh Pegawai Pemerintah Batalion Kedua, Yang Dimuliakan Pehin Datu Harimau Padang Dato Seri Laila Jasa Lt. Kol. Haji Husain.

Berita lanjut dan gambar-gambar disiarkan di Muka 3.

### MANISNYA IMAN

"YA ALLAH! Sesungguhnya aku berlindung kepada-Mu dari setiap perbuatan yang mendukacitakanku; dari sahabat yang menyakitiku; dari harapan yang melalaikanku; dari kefakiran yang mensia-siakanku; dan dari kekayaan yang menguasaiku." — HADIS Nabi riwayat Al-Bazzar.

فليتا بروني
Pelita Brunei

23 NOVEMBER, 1983

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## SAMBUTAN KEMERDEKAAN: DALAM TENANG KITA CUBA MENDAPAT KEKUATAN

CUMA lebih sedikit sebulan lagi negara kita akan bertukar taraf kepada sebuah negara yang berdaulat lagi merdeka.

Menjelang saat tersebut kita tidak sahaja berbangga menjadi bangsa yang merdeka setaraf dengan bangsa lain di peringkat antarabangsa bahkan lebih besar maknanya ialah kita dapat mencapai taraf sedemikian itu dengan selamat dalam aman. Kerana itu kita adalah bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. yang memelihara dan melindungi kita dan negara kita dari berbagai fitnah dan bencana.

Dan kerana itu pula keinsafan sepatutnya akan mendalam bahawa kemerdekaan yang dicapai akan kita sambut lebih dari cuma perayaan-perayaan. Kita menyambutnya dengan menanainya sebagaimana kata pepatah "Ibarat menatang minyak yang penuh" di mana kita perlu berazam dari sekarang lagi bahawa sekali kita merdeka, insya-Allah kita tetap merdeka turun-temurun hingga ke akhir zaman.

Kita mencapai kemerdekaan itu tidak dengan teriakan-teriakan dan sorak-sorai yang menggemparkan. Ini tidak menghairankan kita dan tidak sepatutnya kita merasa anih sebab suasana dan latar belakang pencapaian kemerdekaan kita itu tidak sama dengan suasana dan latar belakang pencapaian kemerdekaan negara-negara lain. Kerana itu dalam sambutan kemerdekaan, kita telah menentukan cara kita yang tersendiri. Misalnya menjelang saat-saat pengisytiharannya nanti kita akan berkumpul di masjid-masjid utama di seluruh negara bagi berjemaah sembahyang Maghrib dan Isyak, sembahyang hajat dan membaca Yasin. Malah dalam upacara pengisytiharan kemerdekaan nanti kita tidak lupa mendahulukannya dengan bacaan ayat Al-Quran. Semua ini menggambarkan cara kita mengaitkan kemerdekaan itu dengan rasa kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t. di samping berbangga menjadi bangsa yang merdeka.

Suasana senyap sepi dalam kita mencapai kemerdekaan sebahagian besarnya ialah kerana tiada pertentangan di kalangan kita mengenai kemahuan untuk merdeka. Semua kita mahukan merdeka dan kerana itu tiada siapa-siapa yang patut dijadikan sasaran untuk ditentang. Kalau orang lain mengalami apa yang dikatakan penindasan penjajah baik penjajah asing mahupun penjajah sesama sendiri langsung berlakulah pertentangan di kalangan merdeka itu terhadap kuasa asing maka itu adalah pengalaman masing-masing yang kerana latar belakang dan sebab tertentu. Tetapi hal yang sama tidak semestinya berlaku di semua tempat dan di semua zaman dan kebetulan ia tidak berlaku di negara kita pada zaman kita ini maka tidak munasabahlah kalau ia cuba dirasa-rasakan. Kerana tidak munasabah itu maka tentulah tidak munasabah pula kita menyambut kemerdekaan atau kita mencapai kemerdekaan dengan [illegible] rendah, pekikan dan laungan.

Perbezaan cara sambutan kemerdekaan kita itu dengan cara orang lain menyambut kemerdekaan masing-masing tidaklah sepatutnya menjadikan kita berperasaan malu atau rendah diri. Sebaliknya sebagai bangsa yang mempunyai ciri-ciri identiti yang tersendiri kita sedapat daya akan cuba menceranakan identiti kita itu [illegible] dalam acara yang sebegitu penting dalam sejarah seperti acara sambutan kemerdekaan dan sambutan Hari Kebangsaan nanti. Sebenarnya jika pencapaian kemerdekaan kita itu mendapat perhatian dunia maka kita berharap perhatian tersebut ialah juga ke atas keupayaan dan kesanggupan kita menceranakan identiti kita di saat-saat yang bersejarah itu.

Dengan yang demikian munasabahlah dikatakan pada peringkat ini bahawa kita akan menyambut kemerdekaan dalam suasana serba tenang. Tetapi dalam ketenangan itulah sebenarnya kita percaya akan mendapat kekuatan. Mudah-mudahan Allah s.w.t. akan sentiasa memberi pimpinan dan hidayat-Nya jua.

# "Bahasa Melayu Asas Hidup Bernegara" menangi peraduan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Cogan kata yang berbunyi "Bahasa Melayu Asas Hidup Bernegara" telah dipilih selaku pemenang dalam peraduan cogan kata sempena minggu bahasa anjuran Dewan Perniagaan Tiong Hwa yang akan berlangsung awal bulan depan.

Cogan kata itu telah dihasilkan oleh Awang Aw Chew Lean yang telah dipilih oleh empat orang penal hakim yang dilantik oleh pihak penganjur untuk memenangi hadiah pertama yang berupa $500.00 berserta satu tropi iringan.

Sebanyak 265 penyertaan telah diterima oleh pihak penganjur dalam peraduan yang dihasratkan untuk menjadi penggalak bagi penggunaan Bahasa Melayu di kalangan ahli-ahli DPT dan orang-orang bukan Melayu itu yang mana penyertaan tersebut telah diterima dari semua golongan di negara ini.

Tempat kedua dan ketiga masing-masing telah dimenangi oleh cogan kata yang bertajuk 'Hidup Bernegara Dengan Bahasa Melayu' dan 'Amalkan Bahasa Melayu' yang mana masing-masing telah dihasilkan oleh Ak. Ismail Pengiran Haji Chuchu dan Dk. Masni bte Pengiran Damit. Mereka akan memenangi hadiah yang juga berupa wang tunai $300.00 dan $200.00 bersama sebuah tropi.

Penyampaian bagi hadiah-hadiah tersebut akan dijalankan kemudian.



SATU majlis perpisahan bagi persaraan Penolong Penguasa Pelajaran Rendah Awg Haji Julaihi bin Awg Sulaiman telah diadakan di Dewan Sekolah Melayu Pintu Malim pada hari Ahad yang lalu.

Aturcara di majlis tersebut termasuklah penyampaian cenderamata kenangan (gambar atas) oleh Timbalan Pengarah Pelajaran Awang Haji Sunny bin Haji [illegible] bacaan doa selamat oleh Ustaz Ahmad Salleh bin [illegible] Bini, Ketua Guru [illegible] Sekolah Melayu Pintu Malim.

# Ketetapan harga barang keperluan harian

SEPERTI biasa di bawah ini dicatatkan beberapa jenis barang-barang keperluan sehari-hari yang didapati dijual dengan harga yang lebih sederhana rendah di kedai-kedai Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Adalah diingatkan kepada orang ramai bahawa harga-harga barang yang berikut di bawah ini bermula dari 16 November, 1983.

**BANDAR SERI BEGAWAN**

1. UDANG KERING: $9.00 sekati boleh dibeli dari kedai berikut: —
   1. Chop Nam Fung, No. 114, Bangunan Guru-Guru.
   2. Chee Guan, No. 4, Jalan McArthur.
   3. Chai Huat Trading, No. B2, Jalan Roberts.
2. LADA KERING: $3.20 sekati boleh dibeli dari kedai berikut: —
   1. Syarikat Hj Abd. Rahman, No. 94, Jalan Pemancha.
3. BAWANG MERAH: $1.40 sekati boleh dibeli dari kedai berikut: —
   1. Soum Huat, No. 28, Jalan Sultan.

**KUALA BELAIT**

1. UDANG KERING: $9.00 sekati boleh dibeli dari kedai berikut: —
   1. Chin Fatt, No. 60B, Jalan Pretty.
2. LADA KERING: $3.50 sekati boleh dibeli dari kedai berikut: —
   1. Koh Kee, No. 60, Jalan Pretty.
   2. Foh Soon, No. 60, Jalan Pretty.
3. BAWANG MERAH: $1.50 sekati boleh dibeli dari kedai berikut: —
   1. Choo Seng, No. 20, Jalan Pretty.

**SERIA**

1. UDANG KERING: $9.00 sekati boleh dibeli dari kedai berikut: —
   1. Chop Kun Mee, No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.
   2. Foo Hap Seng, No. 20, Jalan Sultan Omar Ali.
   3. Sim Fatt Hin, No. 74, Jalan Bunga Kenanga.
2. LADA KERING: $3.80 sekati boleh dibeli dari kedai berikut: —
   1. Chop Kun Mee, No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.
3. BAWANG MERAH: $1.60 sekati boleh dibeli dari kedai berikut: —
   1. Choo Heng & Co, No. 30, Jalan Sultan Omar Ali.

# Soal Jawab Sistem Ejaan Baru Siri Ke-6

_Disusun oleh: Kamisah Haji Rahmat, Pegawai Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei._

Soalan 6 : Kenapa dalam ejaan baru, bangsa Cina dieja sebagai C - i - n - a tetapi negeri China dieja sebagai C - h - i - n - a

Jawapan : Dalam sistem ejaan baru, kita memakai C - i -n - a (c dengan huruf besar untuk menunjukkan bangsa Cina, kebudayaan Cina, makanan Cina, Laut Cina Selatan, Tahun Baru Cina, dan sebagainya, orang Cina yang tinggal di Brunei atau di seluruh dunia ataupun yang tinggal di negeri China. Ejaan yang sama juga C - i - n - a (tetapi c huruf kecil) dipakai untuk perkataan seperti bunga cina, cina buta, kecina-cinaan dan sebagainya. Tetapi, bagi Republik Rakyat China kita menggunakan ejaan C - h - i - n - a (C ditulis dengan huruf besar), yang dikhususkan untuk negeri China atau Republik Rakyat China. Ejaan C - h - i - n - a untuk negeri China diterima sebagai kekecualian selepas tahun 1975 apabila negeri itu memohon dunia supaya ejaan bagi negerinya ditulis dengan lima huruf juga iaitu C - h - i - n - a.

Soalan 7 : Tidakkah perubahan konsonan gugus Ch kepada C mempengaruhi kita menyebut ejaan seperti "macam" menjadi 'masam' dan 'chuchu' menjadi 'susu'?

Jawapan : Tidak mungkin. Kalau kita menyebut 'masam' ejaannya ialah m - a - s - a - m. Begitu juga dengan 'cucu'. Kalau disebut 'cucu', ejaannya ialah c - u - c - u juga, tidak mungkin s - u - s - u kerana 'susu' [illegible] ejaannya s - u - s - u. Maka kita harus [illegible] kenyataan bahawa sebutan kata-kata Melayu tidak berubah walau ejaannya berubah.

**Jawapan soalan latihan 2**

Dalam segi lain, kepada peminat yang bertujuan mendalamkan penyelidikan di bidang kegiatan bahasa dan sastera, buku ini memungkinkan suatu 'approachment' baru ke arah pengetahuan lanjut tentang tingkat sejarah dan perkembangan kesusasteraan kita seluruhnya. Agak menarik kerana buku ini dihasilkan kira-kira dalam jangka masa permulaan kegiatan sastera Melayu moden yang dikatakan dipelopori oleh Abdullah bin Abdul Kadir Munshi (17[illegible] -1854) di Tanah Melayu. Dan kalau dalam pengetahuan sejarah sastera selama ini kita hanya disogokkan dengan nama-nama lain di samping Abdullah seperti Raja Ali (18[illegible] -1870), Munshi Sulaiman bin Mohd. Nor (meninggal 18[illegible]) dan Syed Sheikh Al-Hadi (1867 - 1934) maka suatu kemungkinan lain pula ialah pelajar-pelajar sastera akan mengetahui dan mengkaji pula tentang pengarang Pengiran Shahbandar Mohd. Salleh dengan karya syair Rakis[illegible]. Sebab, dari segi masa, beliau tergolong dalam masa permulaan kegiatan modenisasi dalam bidang sastera itu. Dari segi karyanya pula, sekurang-kurangnya apa yang dinamakan 'hikmat' dalam Rakisnya memungkinkan ia digolongkan kepada pengarang Melayu yang kritis terhadap zamannya.

# D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan tinjau latihan tentera

Liputan: Ahat Ismail

Gambar: Harun Rashid

TUTONG. — Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin telah berkenan berangkat menyaksikan latihan tentera yang bergelar "MARA BERSATU" pada hari Khamis yang lalu.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia ke kawasan latihan tersebut telah dialu-alukan oleh Pegawai Pemerintah Pasukan Brigedier Jeneral JPW Friedberger, Timbalan Pegawai Pemerintah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Kolonel Dato Seri Pahlawan Haji Mohamad dan pegawai-pegawai kanan tentera yang lain.

Seterusnya Duli Yang Teramat Mulia telah mendengar taklimat-taklimat ringkas mengenai perjalanan latihan tersebut diadakan dan tujuannya, yang telah disampaikan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Harimau Padang Dato Seri Laila Jasa Lt. Kolonel Awang Haji Husein bin Ahmad yang juga mengetuai latihan tersebut.

Setelah itu Duli Yang Teramat Mulia berangkat menyaksikan serta mengunjungi kedudukan-kedudukan unit tentera yang mengambil bahagian dalam latihan tersebut di kawasan Bukit Agok.

Latihan Mara Bersatu ini terbahagi kepada dua bahagian dan disertai oleh lebih dari 1,000 orang anggota tentera. Latihan ini berjalan selama 11 hari, serta menggunakan tiga buah kapal terbang jet pejuang Singapura, kereta perisai Scorpion, dan skuadron bot-bot sungai.



PEMERINTAH Pasukan AMDB, Brigedier Jeneral, J.P.W. Friedberger mengalu-alukan keberangkatan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin ke kawasan latihan.



KEBAWAH Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan berangkat keluar dari salah sebuah kubu pertahanan yang digunakan semasa latihan 'Mara Bersatu' di Bukit Angok.

# "Mara Bersatu" uji kecekapan serangan di hutan

UNTUK menghadapi sebarang keadaan genting maka persiapan dan latihan adalah amat perlu ditingkatkan dalam semua aspek untuk menjadikan sebuah pasukan yang kukuh serta berpengalaman.

Ke arah tersebut berbagai corak dan jenis latihan sedang dipergiatkan, terutama dalam bidang pertahanan. Hasil daripada latihan-latihan tersebut sudah tentulah sedikit sebanyak akan dapat memberikan pengalaman yang sungguh berguna sebagai bekal yang akan dipergunakan nanti.

Bagi memenuhi matlamat dan tujuan tersebut, Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei telah mengadakan satu latihan tahunan yang diberi nama "MARA BERSATU" dan berjalan selama 11 hari mulai 8 November. Latihan tersebut bertumpu di kawasan pedalaman Daerah Tutong dan termasuklah sebahagian kawasan Daerah Brunei dan Muara untuk dijadikan sebagai medan latihan.

Latihan "MARA BERSATU" dibahagikan kepada dua peringkat iaitu diperingkat pertama berfungsi mengenai operasi di dalam hutan menentang musuh yang telah mendarat di kawasan pedalaman dan pada peringkat kedua pula ialah mengkukuhkan pertahanan serta berundur ke belakang, kemudian membuat serangan balik.

Objektif latihan tersebut adalah bertujuan untuk melatih para anggota tentera di dalam membuat tipu helah semasa peperangan, di samping menguji sejauh mana kebolehan, kecekapan mereka semasa menghadapi serangan di dalam hutan. Corak latihan seperti ini adalah perlu bagi setiap parajurit, kerana memandangkan kepada kedudukan negara ini mempunyai sempadan kehutanan yang luas dan mudah bagi pihak musuh bersembunyi atau menyusup masuk.

Pergerakan semasa di dalam hutan sangat menyulitkan, serta kemudahan perhubungan begitu amat terbatas. Semua kegiatan bantuan dan perbekalan terpaksa melalui perhubungan udara dan jalan kaki. Dari sinilah bantuan tersebut dapat diterima serta disalurkan kebahagian unit-unit lain semasa operasi.

Dalam latihan ini seramai lebih dari 1,000 orang anggota tentera telah menyertainya yang terdiri daripada Batalion kedua AMDB, Pasukan Askar Jalan Kaki Singapura, Pasukan Gurkha yang juga bertindak sebagai musuh, serta unit-unit dari River Division, Cawangan Udara, Skuadron Kereta Perisai, Skuadron Jurutera, dan juga tiga buah jet pejuang Angkatan Udara Singapura.

Inilah latihan yang pertama kali pernah diadakan yang melibatkan Unit Angkatan Singapura, dan Pasukan Askar Gurkha. Sepanjang latihan tersebut pergerakan ketenteraan sentiasa dijalankan tidak mengira siang atau pun malam, terutama dalam mencari kedudukan musuh. Dalam pada itu setiap para anggota tentera juga dilatih mengenai selok belok hutan, agar dapat mensesuaikan keadaan diri mereka dengan keadaan tersebut.

Senjata-senjata berat seperti perisai, meriam, digunakan untuk mengempur kedudukan kubu-kubu musuh di samping membantu Askar Pejalan Kaki melakukan serangan. Sementara jet-jet pejuang yang menyertai latihan tersebut berperanan sebagai peninjau serta ianya juga boleh melakukan serangan-serangan udara jika diperlukan. Bagi melindungi serangan udara dan menghalang kemaraan askar-askar pengempur, maka taktik bertahan di dalam lubang yang digali adalah amat berkesan di segi pertahanan.

Selain daripada pergerakan udara dan darat, perhubungan melalui jalan sungai juga amat berguna. Unit-Unit dari River Division bergerak dengan menggunakan bot-bot peronda serta membuat perhubungan terutama memberikan bantuan semasa kecemasan.





SEPANJANG lawatan tersebut Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Begawan Sultan telah diberi penerangan mengenai perjalanan latihan oleh Pemerintah Batalion Kedua, Leftenan Kolonel Yang Dimuliakan Pehin Datu Harimau Padang Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Husain, yang juga selaku mengetuai latihan tersebut seperti gambar atas dan kanan.

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........

# PENUBUHAN BANK PERNIAGAAN BAGI ORANG ISLAM (Siri ke-201)



AL-ALAMAT Ibnu Hajar menerangkan: Riba ertinya dalam bahasa Arab ialah lebih dan ertinya dalam syarak iaitu suatu akad di atas suatu iwad yang tertentu yang tiada diketahui persamaan dalam kaedah syarak ketika berlaku akad itu atau melengahkan pada dua iwad itu atau salah satunya, dan riba itu ada tiga bahagian:

(1) Riba Al-Fadl iaitu menjual serta lebih adalah satu daripada dua iwad yang satu jenis di atas iwad yang satu lagi.

(2) Riba Al-Yad iaitu menjual serta melengahkan (belum menerima) kedua-dua iwad atau melengahkan menerima salah satu iwad itu hingga sesudah bersurai dari majlis akad jual itu atau sesudah khiar (masa pemilihan) dengan syarat illatnya jenis yang satu, iaitu seumpama tiap-tiap salah satunya itu makanan atau tiap-tiap salah satunya itu wang.

(3) Riba An-Nasaie iaitu menjual makanan dengan makanan atau wang dengan wang, sama ada satu jenis atau berlainan jenis dengan bertangguh, sekalipun sebentar, atau kedua-keduanya itu sama banyak dan diterima kedua-duanya dalam majlis akad itu, misal bagi yang pertama itu seperti menjual segantang gandum dengan kurang dari segantang gandum atau dengan lebih banyak dari segantang atau jual satu dirham perak dengan kurang dari satu dirham perak atau dengan lebih banyak daripadanya, sama ada kedua-dua orang menerima akan kedua-dua benda itu atau tiada dalam majlis akad atau sama ada kedua-duanya bertangguh atau tiada bertangguh. Dan yang kedua seperti menjual satu gantang gandum dengan segantang gandum atau satu dirham emas dengan satu dirham emas, atau satu gantang gandum dengan segantang barley (bali) atau lebih banyak, atau satu dirham emas dengan satu dirham perak atau lebih banyak, tetapi lambat menerima salah satu daripada benda itu dari majlis akad atau majlis takhayur (pilih). Yang ketiga seperti menjual segantang gandum dengan segantang gandum atau satu dirham perak dengan satu dirham perak tetapi menangguhkan penyerahan salah satu daripada dua benda itu sekalipun sekejap atau kedua-dua benda itu sama banyak dan kedua orang itu serah menyerah kedua-dua benda itu dalam majlis akad.

### LANGKAH MENGELAKKAN RIBA

Bila kedua-dua benda itu sama jenisnya dan pada illatnya (fungsinya) seperti gandum dengan gandum atau emas dengan emas disyaratkan tiga syarat: bersamaan keduanya pada kadarnya, kedua-dua orang itu mengetahui dengan yakin ketika akad itu berlaku dan persamaan kedua-dua benda itu dan segera tiada bertangguh serta serah-menyerah kedua-dua orang itu sebelum keduanya bercerai (berpisah).

Bila bersalahan kedua-dua benda itu pada jenisnya tetapi bersatu pada illatnya seperti gandum dengan bali atau emas dengan perak maka disyaratkan dua syarat iaitu bersegera dan serah menyerah dalam majlis akad dan harus tiada sama banyak kadarnya dan bila bersalah-salahan kedua benda itu pada jenisnya dan pada illatnya seperti gandum dengan emas atau dengan pakaian maka tiadalah disyaratkan sesuatu syarat daripada tiga syarat yang tersebut itu.

Dan yang dikehendaki dengan illat di sini dalam masalah riba ada kalanya makanan iaitu benda yang dimaksudkan ia jadi makanan yang mengenyangkan atau jadi lauk atau jadi bersenang-senang dengannya atau ubat dan ada kalanya wang iaitu pada emas dan perak sama ada sudah dilebur kerana dijadikan mata wang atau tiada dan tiadalah ada riba pada duit tembaga atau seumpamanya sekalipun ia laku seperti laku wang perak atau emas.

Imam Al-Mutawalli telah membahagikan riba itu kepada empat bahagian (bukan hanya tiga seperti di atas) di mana bahagian yang keempat iaitu riba Al-Qardhi (riba hutang) tetapi riba Al-Qardhi itu termasuk ia dalam bahagian riba Al-Fadl, kerana dialah syarat yang membawa sesuatu faedah kepada orang yang memberi hutang. Seolah-olah ia menghutangkan seseorang akan suatu benda dengan suatu benda yang seumpamanya serta suatu yang lebih (iaitu suatu manfaat yang dikembalikan kepadanya). Semua bahagian dari keempat-empat bahagian riba yang tersebut itu adalah haram dengan ijmak dan dengan nas ayat-ayat Quran yang telah lalu (yang telah disebutkan oleh Imam Ibnu Hajar dalam Az-Zawajir) dan dengan Hadis-Hadis yang akan datang sebutannya dalam kitabnya yang tersebut itu.

Katanya lagi: Segala amaran yang tersebut dalam Quran dan Hadis itu ialah meliputi empat macam jenis riba itu, tetapi setengah jenis riba itu dapat diseluk akan rahsia pengharamannya dan setengah[illegible] dapat diketahui [illegible] dan illatnya. Dan [illegible] Nasiah iaitu [illegible] masyhur yang [illegible] dalam zaman [illegible] sebelum Islam, [illegible] seseorang daripada [illegible] itu memberi [illegible] kepada seorang [illegible] berhutang dalam [illegible] masa yang tertentu [illegible] syarat ia [illegible] daripadanya [illegible] yang tertentu pada [illegible] bulan dan hutang [illegible] tiada berubah [illegible] banyaknya. Apabila [illegible] tempoh membayar [illegible] itu, ia menuntut [illegible] dan jika si piutang [illegible] dapat membayarnya [illegible] yang dinamakan [illegible] Nasiah pada [illegible] boleh juga dinamakan [illegible] Al-Fadl sebab Nasiah [illegible] bertangguh pada [illegible] itulah yang dikehendaki [illegible] dimaksudkan. Riba [illegible] ini masyhur hingga [illegible] di antara manusia [illegible] berlaku dengan [illegible]

(Bersambung)

---

## Borang penyertaan Maulud boleh didapati

BANDAR SERI BEGAWAN. — Borang-borang untuk menyertai perhimpunan dan perarakan sambutan Maulud Nabi boleh didapati dari pihak penganjur di Jabatan Hal Ehwal Ugama di setiap daerah.

Borang-borang penyertaan bagi peringkat negara boleh diperolehi dari Setiausaha Sambutan, Tingkat Dua, Bilik 312, Jabatan Hal Ehwal Ugama di sini. Borang-borang yang telah diisi hendaklah dikembalikan ke jabatan tersebut tidak lewat dari 1 Disember depan.

Persetujuan telah dicapai bahawa sambutan Maulud Nabi s.a.w tahun 1404 Hijrah akan diadakan serentak di seluruh negara pada 12 Rabiulawal bersamaan 17 Disember depan.

Di Daerah Brunei dan Muara sambutan akan dibahagikan kepada dua kawasan iaitu Kawasan Brunei I (Peringkat Negara) akan dilangsungkan di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin sementara Kawasan Brunei II akan diadakan di Pekan Muara. Maka Kawasan Brunei III yang sebelum ini pernah dicadangkan akan dimasukkan ke Kawasan Brunei I (Peringkat Negara).

Tema sambutan tahun ini berbunyi MENSYUKURI NIKMAT ASAS KEMAKMURAN DAN KETAHANAN.

## Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 23 November 1983 hingga ke hari Selasa 29 November, 1983 adalah seperti di bawah ini : —

| Hari Bulan | Zuhur | Asar | Maghrib | Isyak | Imsak | Subuh | Matahari Terbit |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 23 Nov | 12.12 | 3.31 | 6.09 | 7.24 | 4.38 | 4.53 | 6.10 |
| 24 Nov | 12.12 | 3.31 | 6.09 | 7.24 | 4.38 | 4.53 | 6.10 |
| 25 Nov | 12.12 | 3.31 | 6.09 | 7.24 | 4.38 | 4.53 | 6.10 |
| 26 Nov | 12.13 | 3.32 | 6.10 | 7.25 | 4.39 | 4.54 | 6.12 |
| 27 Nov | 12.13 | 3.32 | 6.10 | 7.25 | 4.39 | 4.54 | 6.12 |
| 28 Nov | 12.13 | 3.32 | 6.10 | 7.25 | 4.39 | 4.54 | 6.12 |
| 29 Nov | 12.13 | 3.32 | 6.10 | 7.25 | 4.39 | 4.54 | 6.12 |

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu.

Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei di mulai dari pukul 12.45 minit tengah hari.

## Keluarkan zakat harta $100,000.00

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seorang Islam yang tidak mahu disebutkan namanya telah mengeluarkan zakat hartanya sebanyak $100,000.00 dan menyerahkan zakat tersebut berupa sekeping cek kepada Yang Dipertua Majlis Ugama Islam Negara Brunei Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin di pejabat Y.B itu baru-baru ini.

Di samping itu Majlis Ugama Islam Negara Brunei juga telah menyumbangkan bantuan kewangan sebanyak $2,000.00 kepada dua orang cacat untuk pembinaan rumah mereka. Sumbangan wang tersebut dikeluarkan dari kumpulan wang zakat dan wang tersebut disampaikan melalui Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan.

## KETETAPAN HARGA-HARGA KERETA VOLVO 240 GLE DAN 760 GLE

Ketetapan harga-harga kereta di atas sebagaimana yang dikeluarkan dalam Pelita [illegible] pada 2 November, 1983 dengan ini adalah disahkan bahawa harga-harga kereta [illegible] termasuk radio/cassette seperti berikut : —

| JENIS KERETA (Type of Cars) | HARGA JUALAN (Showroom Selling Price) | HARGA JUALAN [illegible] (Selling Price On The [illegible]) |
|---|---|---|
| VOLVO<br>Model: 240 GLE (2316 c.c.) Airconditioning; Sunblind rear window; Electric Rear Mirror; Automatic Transmission; Power Steering; Power window; Tinted glasses; Intermittent wipers; Electrically Heated Rear window; Quarty Electronic Clock; Head Restraint/Front; Tachometer. | $34,100.00 | $36,250.00 |
| VOLVO<br>Model: 760 GLE (2849 c.c) Airconditioning; Power Steering; Power window; Head restraint Front/Rear; Tinted glasses; Intermittent wipers; Electrically Operated Rear window mirrors; Spoiler with Extra lights; Reading Lamps; Warning Lamp for Brake Circuit Failure; Oil Level; Washer Fluid Level and Open Door. | $43,100.00 | $45,520.00 |

## Pameran Kerjaya Tentera

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei akan mengadakan Pameran Kerjaya Tentera yang terbuka kepada penuntut-penuntut sekolah dan orang ramai.

Pameran tersebut bertujuan untuk mendedahkan kerja-kerja dalam pasukan kepada penuntut-penuntut khususnya dan kepada orang ramai amnya.

Pameran itu bertemakan "Kerjaya Tentera Sentiasa Menguntungkan — Mencabar — Memuaskan".

Kunjungilah beramai-ramai pameran ini yang akan diadakan di Daerah Brunei-Muara pada 3 Disember bertempat di Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan/Sekolah Sains, Jalan Muara.

Pameran di Daerah T[illegible] akan diadakan di Sekolah [illegible]ggeris Sufri Bolkiah [illegible] Disember sementara [illegible] Daerah Belait pula [illegible] diadakan di Maktab [illegible]thoney Abell, Seria pada [illegible] Disember.

Semua pameran [illegible] bermula dari jam [illegible] hingga 3.30 petang.

# ARAK: SEMUA YANG TERLIBAT MENDAPAT LAKNAT

MARILAH kita sama-sama bertakwa ke hadrat Allah dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya, dengan tidak sedikit pun membantah atau kesal dengan hukum-hukum yang sudah ditentukan itu.

Dalam khutbah yang telah dibacakan dua Jumaat yang lepas, kita telah menyebut pasal khamar atau arak. Maka sekarang akan kita bentangkan mengenainya dengan menyebut berdasarkan Quran dan Hadis-Hadis Nabi s.a.w.

### AMARAN

Dalam surah Al-Maidah ayat 90 dan 91, Allah telah membuat seruan kepada orang-orang yang beriman serta memberi amaran kepada mereka itu, tafsirnya:

*"Wahai orang-orang yang beriman, sesungguhnya minuman keras, main judi, berhala dan mengundi nasib dengan panah itu adalah pekerjaan kotor, termasuk pekerjaan syaitan. Sebab itu hendaklah kamu tinggalkan supaya kamu menjadi beruntung. (Ingatlah) syaitan itu benar-benar hendak menjerumuskan kamu ke dalam permusuhan dan berbenci-bencian di antara sesama kamu, disebabkan minuman keras dan main judi itu. Dan dia hendak menghalangi kamu dari mengingati Allah dan dari mengerjakan sembahyang. Apakah kamu mahu berhenti?"*

Begitulah keterangan dan amaran dari Allah melalui Al-Quran. Sementara itu ada pula Hadis Nabi s.a.w. riwayat Muslim dan At-Tarmizi yang bermaksud:

*"Jauhilah oleh kamu arak, sesungguhnya arak itu adalah ibu segala kejahatan."*

Sabda Nabi lagi yang ertinya: *"Penagih arak itu sama dengan penyembah berhala."* Apabila mati seorang penagih arak itu dan dia tidak bertaubat, maka tidaklah dia masuk syurga, sebagaimana Hadis Ibnu Umar Radhiallahu Anhuma riwayat An-Nasaie dan Ahmad dan Al-Hakim.

### IBU SEGALA KEJAHATAN

Berdasarkan Hadis-Hadis ini, dan lebih-lebih lagi ayat Quran di atas yang telah menyebut larangan-Nya dengan terang, maka tidak syak lagi, perbuatan minum arak itu adalah suatu dosa besar yang sangat-sangat berbahaya dan dikutuk keras oleh Allah, sehingga ia dinamakan oleh Nabi sebagai ibu segala kejahatan. Orang-orang yang melakukannya (minum arak), diamar dengan ancaman neraka. Ingat! Ancaman atau amaran Quran atau Hadis itu adalah janji Allah. Janji Allah itu tidak bohong, orang-orang beriman patut sedar dan mengerti hal ini bahawa apa-apa yang ditegaskan oleh Quran atau Hadis itu bukan boleh ditawar-tawar, tidak usah ada sebarang usaha untuk mengubahsuai atau melonggarkannya. Perbuatannya itu sia-sia kerana Allah tidak akan tunduk kepada kehendak kita, tetapi kitalah yang disuruh tunduk kepada-Nya.

Ingatlah wahai kaum Muslimin! Dan takutlah akan laknat Allah. Berhubung dengan arak ini, laknat Allah itu mengenai segala yang berkaitan dengannya. Sabda Nabi s.a.w. yang bermaksud:

### DILAKNAT

*"Dilaknat arak itu sendiri, dan juga peminumnya, dan juga tukang beri minum, dan juga penjualnya, dan juga pembelinya, dan juga penuangnya dan juga pemerahnya (pembuatnya), dan juga tukang bawanya, dan juga orang yang dibawakan arak itu kepadanya dan juga pemakan harganya."*

Pendeknya dari maksud Hadis ini, semuanya dikepong dan dilibatkan mendapat dosa dan laknat Allah kerana arak itu. Bukan sekadar peminumnya sahaja, bahkan semua pihak yang berkenaan dengannya. Baik yang langsung mahupun yang tidak langsung, asal tegak kepentingan arak itu olehnya, maka mendapatlah dia laknat seperti juga peminumnya.




**"Dilaknat arak itu sendiri, dan juga peminumnya, dan juga tukang beri minum, dan juga penjualnya, dan juga pembelinya, dan juga penuangnya dan juga pemerahnya (pembuatnya), dan juga tukang bawanya, dan juga orang yang dibawakan arak itu kepadanya dan juga pemakan harganya."**

## MENCINTAI DUNIA POKOK SEGALA KESALAHAN

Oleh: Azadah bte Hj. Awang Besar

**Bingkisan minggu ini**

DI DALAM surah Al-Hadid ayat 20, Allah telah berfirman yang kira-kira maksudnya: "Ketahuilah bahawasanya kehidupan dunia itu hanyalah permainan dan senda gurau perhiasan dan bermegah-megahan antara semua kaum, berlumba banyak kekayaan, dan anak pinak, perumpamaannya bagai hujan yang menakjubkan petani melihat tumbuhan tanamannya, kemudian itu menjadi kering dan engkau lihat kuning warnanya, lalu menjadi hancur. Dan di hari akhirat siksa yang sangat keras (untuk orang-orang yang bersalah) dan juga ampunan dari Tuhan dan keredaan (untuk orang-orang yang mengerjakan kebaikan). Dan kehidupan dunia itu hanyalah kesenangan tipuan semata."

Dari Firman tersebut dapat kita mengambil kesimpulan bahawa dunia ini hanya untuk sementara sahaja kecuali akhirat juga yang kekal di mana ketempatan yang baik lagi sempurna bagi orang-orang yang beriman dan disebaliknya balasan siksa yang amat dahsyat bagi mereka yang engkar melakukan segala suruhan atau perintah Allah dan yang suka membuat perkara perbuatan yang dilarang-Nya.

Menurut sebuah kitab yang berjudul 'PENONTON HIDUP BAHAGIA' yang dikarang oleh Imam Habib Abdullah Haddad yang dialihbahasa oleh Syed Ahmad Semait ada menyentuh mengenai tingkatan dunia yang mana perjalanan hidup di dunia terbahagi kepada 3 tingkatan:

Pertama, dunia yang menguntungkan kita dengan berbagai-bagai pahala iaitu dunia yang menghubungkan kita dengan mengerjakan berbagai-bagai kebajikan dan menyelamatkan kita dari berbagai-bagai kecelakaan. Itulah perjalanan orang Mukmin dan sawah ladangnya untuk akhirat; iaitu memadai mengambil dari dunia hanya sekadar yang halal semata.

Kedua ialah dunia yang menarik kita kepada berbagai-bagai perhitungan. Maksudnya dunia yang tidak menghalang kita dari menunaikan segala perintah Allah Taala, dan dalam menuntutnya, kita pun tidak melakukan sesuatu yang dilarang oleh ugama. Dunia ini akan menarik kita kepada perhitungan yang panjang (hisab di hari Kiamat), dan mereka itu tergolong dari orang-orang yang kaya, yang akan ditinggalkan oleh orang-orang yang tidak punya, atau orang-orang miskin untuk memasuki syurga selama lebih kurang setengah hari. Dan setengah hari di akhirat dikira sama dengan lima ratus tahun kita di dunia ini.

Manakala yang ketiga, dunia yang menyebabkan kita menerima siksa dan azab iaitu dunia yang memalingkan hati dari menunaikan segala kewajipan kita terhadap Allah Taala, dan menceburkan kita pula ke dalam larangan-Nya. Dunia ini akan menarik pemiliknya kepada api neraka dan menggulingkannya di tempat kecelakaan, sebagaimana yang dimaksudkan dalam sebuah Hadis yang ertinya:

"Sesungguhnya Allah akan memerintahkan dunia supaya dilontar ke dalam api neraka. Maka berkata dunia: Tuhanku! mana pencintaku! mana pengikutku! Allah lalu berfirman: "Dampingkan semua pencinta-pencintanya dan pengikut-pengikutnya untuk didorong masuk ke dalam api neraka bersama-sama dunia itu."

Oleh yang demikian, nyatalah bahawa mencintai dunia itu adalah bahaya sepertimana telah bersabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud: "Mencintai dunia itu pokok segala kesalahan." Yang demikian mencintai dunia itu sumber segala fitnah yang juga merupakan sebagai akar-umbi segala kesusahan.

Kesan dari perkara tersebut menjadikan manusia tidak segan-silu menunjuk-nunjukkan keduniaannya, seolah-olah perkara itu tidak lagi merupakan suatu hal yang cela atau memalukan. Dari sini timbullah suatu keinginan yang teguh semata-mata cenderong pada satu tujuan iaitu hanya mencintai dunia sahaja.

Lantaran ini, menyebabkan segala rupa hidayat ugama menjadi terkandas, dan menjejaskan kehidupan yang sempurna yang membawa manusia kepada kehancuran dan kecelakaan sepertimana sabda Nabi Muhamad s.a.w yang bermaksud:

"Setiap umat menerima fitnah, dan umatku ujiannya (ujian bani Israel) dengan anak lembu dan ujian umatku ialah wang ringgit."

## Air pasang surut

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jadual Air Pasang dan Surut bagi perairan Malaysia, Singapura dan Brunei tahun 1984 sekarang sedang dijual.

Jadual yang berharga $7.00 senaskah itu boleh dibeli dari Jabatan Laut di Bandar Seri Begawan dan Kuala Belait.

Pembeli-pembeli jadual itu adalah dinasihatkan bahawa ramalan tinggi air pasang pada tiap-tiap jam di Tambatan Muara, Brunei bagi tahun 1984 dicetak di muka 18 hingga 23.

# Konsep pelajaran liberal lahirkan lulusan tinggi

BERAKAS. — Konsep pelajaran terbuka ataupun liberal yang telah disemai sejak dulu lagi oleh Kerajaan telah berjaya membuahkan orang-orang yang berkelulusan tinggi di negara ini. Sehingga yang sedemikian Brunei tidak terlalu banyak menempuh kesukaran dalam zaman peralihannya dari birokrasi tradisional kepada birokrasi moden.

Ini adalah semata-mata, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sendiri telah pun memberikan peruntukan yang besar bagi perkembangan serta perluasan pelajaran di negara ini.

Hal ini telah dinyatakan oleh Awg. Haji Mohd. Salleh bin Hidup, Pegawai Pentadbir Kanan di Jabatan Setiausaha Kerajaan ketika berucap merasmikan Hari Pendidikan Sekolah Nusa Laila Puteri bagi cawangannya di sini, yang berlangsung pada hari Sabtu 12 November lepas.

Awg. Haji Mohd. Salleh berkata, Brunei Darussalam adalah negara yang paling beruntung kerana telah lama menyedari akan hakikat ini sehinggalah pelajaran yang liberal itu telah dapat diperluaskan ke kawasan-kawasan luar bandar.

Pada hari-hari seperti inilah, jelas Awg. Haji Mohd. Salleh, kita patut mengenang kembali akan jasa-jasa mereka yang bertanggungjawab untuk memajukan pelajaran di negeri ini atau kepada orang-orang Brunei yang bertanggungjawab dalam menyediakan dasar merancang dan melaksanakan pendidikan moden di negara ini.

Terdahulu dari itu ucapan alu-aluan oleh Penasihat dan Ketua Pentadbir Sekolah Nusa Laila Puteri, Pengiran Amir Mohd. Yusuf bin Pg. Haji Abbas dan diikuti kemudiannya ucapan dari Pegawai Pelajaran/Pengawas sekolah Tabika Missi dan Private, Awg. Reduan bin Abdullah.

Di majlis itu juga telah diselajurkan dengan penyampaian hadiah kepada murid-murid terbaik dalam peperiksaan penggal kedua 1983 bagi murid-murid di Cawangan Berakas dan Gadong yang telah disampaikan oleh Awg. Reduan bin Abdullah. Sementara cenderamata kepada guru-guru SNLP di kedua-dua cawangan itu telah disampaikan oleh Awg. Haji Mohd. Salleh bin Hidup.

Cenderamata kepada Awg. Haji Mohd. Salleh dan kepada Awg. Reduan juga telah disampaikan oleh Penasihat dan Ketua Pentadbir SNLP Pg. Amir Mohd. Yussof bin Pg. Abbas Alhaj.

Kemudiannya tetamu khas dan jemputan-jemputan serta ibu bapa di sekolah tersebut telah dipersilakan menyaksikan pertunjukkan mengajar dan seterusnya ke bilik-bilik pameran bagi melihat usaha kreatif kanak-kanak dan peralatan mengajar.

Selain dari itu, hari pendidikan yang bertemakan 'Membina dan Membangun Kebudayaan Serta Bakat Intelektual Kanak-Kanak' pada hari itu juga telah membuat berbagai-bagai persembahan pentas seperti nyanyian, tarian, persembahan nasyid dan tarian jasmani yang telah dipersembahkan sendiri oleh murid-murid dari tabika Cawangan Berakas dan Gadong.

Sementara itu, majlis yang sama juga telah diadakan di Sekolah Nusa Laila Puteri Cawangannya di Tanjung Bunut Jalan Tutong pada hari Ahad 13 November lepas dan telah dirasmikan oleh Haji Sabtu bin Muhammad, Nadzir Kanan di Jabatan Pelajaran Brunei.-ZHS.



AWANG Haji Mohd Salleh menyampaikan cenderamata kepada salah seorang guru Sekolah Nusa Laila Puteri.

## DBP ADAKAN KELAB MEMBACA

**BANDAR SERI BEGAWAN. — Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei akan mengadakan aktiviti Kelab Membaca dalam masa cuti Persekolahan Penggal III bulan depan. Rancangan ini antara lain mengandungi ceramah, kuiz, masa bercerita, lawatan, melukis dan pameran.**

**Tujuan pokok rancangan ini ialah untuk memupuk minat membaca dalam menggalakkan penggunaan buku-buku [illegible] formal, menghibur dan belajar [illegible] diri masing-masing serta [illegible] yang tersedia di samping bergaul [illegible] kanak-kanak yang mempunyai [illegible] belakang yang berlainan.**

**Rancangan ini akan diadakan di [illegible] pustakaan Kanak-Kanak bermula [illegible] hingga 22 Disember 1983 mulai jam [illegible] pagi hingga 12.00 tengah hari.**

## RBA adakan penerbangan tambahan ke Manila

BANDAR SERI BEGAWAN. — Syarikat Penerbangan Diraja Brunei akan mengadakan empat penerbangan tambahan antara Brunei dan Manila semasa musim cuti perayaan Krismas dan cuti Tahun Baru.

Penerbangan-penerbangan tambahan itu ialah pada hari Isnin 19 dan 20 Disember. Penerbangan BI 947 akan bertolak dari lapangan terbang antarabangsa Brunei jam 7.45 malam manakala penerbangan BI 949 akan bertolak pada jam 2.30 petang.

Dua penerbangan lagi ialah pada 2 dan 3 Januari, 1984. Penerbangan-penerbangan BI 952 dan BI 954 akan bertolak dari lapangan terbang antarabangsa Brunei pada jam 1.30 petang.

Menurut siaran [illegible] dikeluarkan oleh [illegible] Penerbangan [illegible] penerbangan [illegible] diadakan adalah [illegible] menampung [illegible] diterima semasa [illegible] hujung tahun.

Penerbangan [illegible] adalah tertakluk [illegible] kebenaran Kerajaan.

## J-kuasa Sekolah P.T.E. dibentuk

GADONG. — Satu mesyuarat [illegible] pembentukan Jawatankuasa Sekolah Pusat Tingkatan Enam Gadong telah diadakan dalam bulan Oktober lalu.

Dalam mesyuarat itu Y.D.M. Pehin Orang Kaya Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Mohd. Tahir dipilih sebagai Pengerusi sementara Pengerusi [illegible] tersebut. Awang Omar bin Haji Khalid dipilih sebagai Timbalan Pengerusi.

Setiausaha ialah Cikgu Haji Hashim bin Haji Abd Hamid manakala Awang Zainal Abidin bin Haji [illegible] dipilih sebagai timbalannya. Bendahari ialah Cikgu Haji Tuah bin Haji Hitam.

Cikgu Haji Yahya bin Ahmad dan Awg Haji Abd Manaf bin PDP Haji Abu Bakar dipilih sebagai Pemeriksa Kira-Kira.

Seramai 20 orang [illegible] jawatankuasa juga [illegible] dilantik dalam perjumpaan tersebut.

## Bengkel Teknik

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bengkel Teknik-Teknik Perundingan akan diadakan di Pusat Latihan, Jabatan Perjawatan, Jalan Kumbang Pasang awal bulan depan.

Bengkel selama tiga hari itu akan diadakan mulai 5 Disember. Seramai 18 orang Pegawai Kanan Kerajaan dari beberapa buah jabatan Kerajaan akan menghadiri bengkel tersebut.

Beberapa orang pensyarah dari Institut Tadbiran Awam Negara Malaysia akan dijemput untuk memberikan ceramah-ceramah dalam bengkel tersebut.

## Persediaan bagi peperiksaan G.C.E. London peringkat 'A' dan 'O'

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persiapan sedang dibuat bagi peperiksaan-peperiksaan Sijil Am Pelajaran (GCE) London Peringkat Tertinggi dan Biasa dalam berbagai mata pelajaran yang akan diadakan di sini pada bulan Jun tahun depan.

Calon-calon yang ingin mengambil peperiksaan Peringkat Biasa mestilah lulus Sijil Pelajaran Rendah Brunei atau yang sebanding dengannya.

Bagi calon-calon yang ingin mengikuti peperiksaan Peringkat Tertinggi mestilah lulus sekurang-kurangnya tiga mata pelajaran GCE Peringkat Biasa dalam sekali peperiksaan atau yang lain setaraf dengannya. Kelayakan ini mestilah diperolehi sekurang-kurangnya dua tahun sebelum peperiksaan itu.

Di samping itu, penuntut-penuntut yang berada di peringkat akhir pengajian menengah mereka (iaitu Tingkatan 5 bagi mereka yang ingin menduduki peperiksaan Peringkat Biasa dan Tingkatan 6 atas bagi peperiksaan Peringkat Tertinggi), hendaklah mendapatkan pengesahan dari pengetua-pengetua sekolah masing-masing dalam borang permohonan mereka.

Borang-borang peperiksaan boleh diperolehi dari Lembaga Peperiksaan, Lapangan Terbang Lama, Berakas. Manakala bayaran peperiksaan hendaklah dibayar secara tunai dan bayaran menggunakan cek, hendaklah ditujukan kepada Lembaga Peperiksaan Brunei dan bukannya University of London.

Borang-borang peperiksaan, wang bayaran, serta surat sokongan atau sijil hendaklah dihantar ataupun dialamatkan ke Lembaga Peperiksaan, di Lapangan Terbang Lama Berakas tidak lewat dari 1 Disember depan.

## Naik pangkat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menaikkan pangkat seorang pegawai dari Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei.

Kaptan Suhaili bin Timbang dinaikkan pangkat Mejar mulai 1 November, 1983.

Mejar Suhaili, 33 tahun mula berkhidmat dengan pasukan AMDB dalam bulan Mei 1967 dan sekarang beliau ditempatkan di Batalion Pertama.

## Pelajar Dewasa S.M. Kiudang lawat Stesen Satelit Bumi

TUTONG. — Seramai 30 orang pelajar dewasa kelas perdagangan menaip Sekolah Melayu Kiudang yang diketuai oleh guru mereka Awang Tengah bin Ahmad telah mengadakan lawatan ke Stesen Satelit Bumi di Telisai dan Pusat Latihan Pertanian Sinaut baru-baru ini.

Lawatan itu bertujuan untuk mendekatkan lagi pengetahuan pelajar-pelajar tersebut berhubung dengan tempat-tempat yang telah mereka lawati itu.

## Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak dari 23 hingga 30 November 1983

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Limau Manis | 23.11.1983 | Rabu | 8.30-9.30 [illegible] |
| Sekolah Melayu Pengkalan Batu | 23.11.1983 | Rabu | 9.45-10.45 |
| Sekolah Melayu Masin | 23.11.1983 | Rabu | 11.00-12.00 [illegible] |
| Sekolah Melayu Jerudong | 26.11.1983 | Sabtu | 8.30-9.30 [illegible] |
| Pusat Tahanan Jerudong | 26.11.1983 | Sabtu | 9.45-10.45 |
| Sekolah Melayu Sengkurong | 26.11.1983 | Sabtu | 11.00-12.00 [illegible] |
| Sekolah Ugama Sengkurong | 26.11.1983 | Sabtu | 2.30-3.00 [illegible] |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti Kilanas | 26.11.1983 | Sabtu | 3.15-4.15 |
| Sekolah Melayu Bendahara Sakam Bunut | 26.11.1983 | Sabtu | 4.30-5.30 |
| Di hadapan Rumah Penghulu Mukim Serasa | 27.11.1983 | Ahad | 9.00-10.00 [illegible] |
| Kawasan Rumah Ketua Kampung Masjid Lama, Muara | 27.11.1983 | Ahad | 10.15-11.15 |
| Di hadapan Kedai Pekan Muara | 27.11.1983 | Ahad | 11.30-12.00 [illegible] |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Rendah) | 28.11.1983 | Isnin | 2.00-3.00 [illegible] |
| Berhadapan Kedai Kampung Perpindahan, Berakas, | 28.11.1983 | Isnin | 3.30-4.30 |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok | 29.11.1983 | Selasa | 8.30-9.30 [illegible] |
| Sekolah Melayu Datu Mahawangsa, Lambak | 29.11.1983 | Selasa | 10.30-11.30 |
| Sekolah Melayu Serasa | 30.11.1983 | Raou | 10.00-10.30 [illegible] |
| Sekolah Melayu Mentiri | 30.11.1983 | Raou | 10.45-11.15 |
| Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar | 30.11.1983 | Raou | 11.30-12.00 [illegible] |

# Sistem komputer untuk pendaftaran di Daerah Brunei

Sukacita dimaklumkan bahawa sistem pendaftaran tanah-tanah di Daerah Brunei dan Muara akan menggunakan komputer untuk membantu kerja-kerja pendaftaran.

Kejayaan sistem ini tidak akan dapat dicapai tanpa kerjasama dan sokongan yang sepenuhnya daripada tuanpunya tanah-tanah berkenaan.

Oleh yang demikian, nama-nama yang tersebut di bawah ini atau wakil-wakil mereka adalah dijunjung dipersilakan hadir ke Pejabat Tanah, Bandar Seri Begawan, Brunei dengan seberapa segera yang boleh pada waktu-waktu pejabat dibuka dengan membawa kad pengenalan dan semua geran-geran tanah yang dimiliki masing-masing.

| [illegible] NO. | LOT NO. | NAMA | LETAK TANAH |
|---|---|---|---|
| 1770 | 2087 | Ampal bin Osman | Baong. |
| 1770 | 2087 | Sairah binte Osman | Baong. |
| 1782 | 1700 | Md. Taha bin Rendah | Sungai Gadong Menglait. |
| 1782 | 1700 | Siti Rafiah bte Abdollah | Sungai Gadong Menglait. |
| 1782 | 1700 | Tussin bin Daud | Sungai Gadong Menglait. |
| 1782 | 1700 | Panjang bin Daud | Sungai Gadong Menglait. |
| 1782 | 1700 | Munah bte Sawal | Sungai Gadong Menglait. |
| 1782 | 1700 | Jauyah bte Ajak | Sungai Gadong Menglait. |
| 1782 | 1700 | Kamis bin Ajak | Sungai Gadong Menglait. |
| 1817 | 1857 | Siti Hawa bte Samsu | Kandal Kilanas. |
| 1819 | 2057 | Brahim bin Salam | Kasat. |
| 1819 | 2057 | Awg. Damit bin Salam | Kasat. |
| 1819 | 2057 | Ahad bin Salam | Kasat. |
| 1819 | 2057 | Jalaidah bte Salam | Kasat. |
| 1819 | 2057 | Nafsiah bte Salam | Kasat. |
| 1834 | 1998 | Saindah bte Osman | Mata-Mata Menglait. |
| 1842 | 1842 | Abu Bakar bin Md. Yusop | Masin. |
| 1842 | 1842 | Osman bin Hj. Lakim | Masin. |
| 1842 | 1842 | Rosnah bte Idris | Masin. |
| 1842 | 1842 | Norhani bte Bagong | Masin. |
| 1842 | 1842 | Pg. Mohammad Bin Pg. Duraman | Masin. |
| 1842 | 1842 | Dayang Rusnani bte Abdullah (Vivien Kok Ah Mui) | Masin. |
| 1850 | 2076 | Dayang Laki bte Duraman | Telaga Jernih, Kasat. |
| 1810 | 2164 | Siti Rafiah bte Abdullah | Buang Piee. |
| 1810 | 2164 | Tussin bin Daud | Buang Piee. |
| 1810 | 2164 | Panjang bte Sawal | Buang Piae. |
| 1810 | 2164 | Munah bte Ajak | Buang Piae. |
| 1810 | 2164 | Jauyah bte Ajak | Buang Piae. |
| 1810 | 2164 | Kamis bin Ajak | Buang Piae. |
| 1862 | 2091 | Mat Serudin bin Hj. Osman | Putat. |
| 1872 | 1918 | Alam bte Apong | Kiarong. |
| 1872 | 1918 | Tialam bte Apong | Kiarong. |
| 1872 | 1918 | Jariah bte Apong | Kiarong. |
| 1873 | 1919 | Narudin bin Gani | Kiarong. |
| 1884 | 1269 | Ranek bte Kamis | Mulaut. |
| 1884 | 1269 | Jumaat bin Hj. Abd Rahim | Mulaut. |
| 1884 | 1269 | Tamit bin Hj. Durahim | Mulaut. |
| 1884 | 1269 | Musa bin Hj. Rahim | Mulaut. |
| 1890 | 1861 | Awang Majid bin Hj. Bakar | Kilanas. |
| 1917 | 2401 | Damit bte Piut | Sumor Trabau. |
| 1927 | 1854 | Miga bte Hj. Garip | Kilanas. |
| 1927 | 1854 | Othman bin Jafar | Kilanas. |
| 1937 | 2018 | Abd. Latip bin Serail | Buang Tekurok. |
| 1958 | 2389 | Ak. Ibrahim bin Pg. Md. Daud | Junjongan. |
| 1958 | 2389 | Ak. Salleh bin Pg. Md. Daud | Junjongan. |
| 1958 | 2389 | Pg. Mariam bte Pg. Md. Daud | Junjongan. |
| 1982 | 1895 | Pg. Hjh Zauyah bte Pg. Hj. Zainal | Sengkurong. |
| 2006 | 2035 | Noorsalam bte Nudin | Kilanas. |
| 2046 | 2004 | Nudin bin Tahamit | Kilanas. |
| 2072 | 2000 | Chong Pit Vong | Kilanas. |
| 2072 | 2000 | Lee Tin King | Kilanas. |
| 2081 | 2304 | Hj. Abd. Rahman bin Yaakub | Berakas. |
| 2085 | 2066 | Mertasat bin Bakar | Kasat. |
| 2085 | 2066 | Tengah bin Bakar | Kasat. |
| 2085 | 2066 | Awg. Damit bin Bakar | Kasat. |
| 2085 | 2066 | Dy. Manggo bte Bakar | Kasat. |
| 2102 | 2282 | Karim bin Mirudin | Demaun. |
| 2102 | 2282 | Murah bte Mirudin | Demaun. |
| 2102 | 2282 | Duraman bin Mirudin | Demaun. |
| 2102 | 2282 | Besar bin Mirudin | Demaun. |
| 2104 | 2081 | Maidin bin Lamit | Kasat Kelamasi. |
| 2104 | 2081 | Tussin bin Lamit | Kasat Kelamasi. |
| 2104 | 2081 | Donglah bin Lamit | Kasat Kelamasi. |
| 2109 | 2265 | Mumin bin Bangok | Kulapis Demaun. |
| 2109 | 2265 | Tuah bin Bongok | Kulapis Demaun. |
| 2109 | 2265 | Hidop bin Bongok | Kulapis Demaun. |
| 2109 | 2265 | Sawal bin Bangok | Kulapis Demaun. |
| 2131 | 2329 | Tassan bin Ali | Lumapas. |
| 2133 | 2001 | Dayang Rukam bt Awg. Radin | Kilanas. |
| 2142 | 2351 | Salam bin O.K. Laksamana | Kasat. |
| 2142 | 2351 | Latip bin O.K. Laksamana | Kasat. |
| 2142 | 2351 | Normah bte O.K. Laksamana | Kasat. |
| 2142 | 2351 | Nilam bte O.K. Laksamana | Kasat. |
| 2142 | 2351 | Palam bte O.K. Laksamana | Kasat. |
| 2154 | 2186 | Hj. Akim bin Ostam | Menglait. |
| 2154 | 2186 | Lipah bte Rustam | Menglait. |
| 2154 | 2186 | Akim bin Rostam | Menglait. |
| 2165 | 2185 | Suajuan (Hujan) bin Hj. Latif | Rimba Menglait. |
| 2164 | 2152 | Lim Kim Seng | Kilanas. |
| 2178 | 2192 | Kasah bin Brahim | Buang Tawar. |
| [illegible] | 2212 | Lim Poh Lip | Lumadan Tumasik. |
| [illegible] | 2199 | Awg. Ahmed bin Salat | Kilanas. |
| 2277 | 2022 | Hassan bin Yaakub | Kiulap. |
| [illegible] | 2025 | Mantok bin Timbang | Kilanas. |
| [illegible] | 2483 | Gloria Chung Nyen Kian | Berakas. |
| [illegible] | 2403 | Bagul bin Ajak | Buang Kepayang Menunggul. |
| [illegible] | 2149 | Dy. Hjh Damit bte P.S. Wangsa | Trabau. |
| [illegible] | 2149 | Minah bte Hj Mohammad | Trabau. |
| [illegible] | 2149 | Fatimah bte Hj. Mohamad (Janis) | Trabau. |
| [illegible] | 2149 | Sineh bte P.S.Wangsa Hj. Mohamad | Trabau. |
| [illegible] | 2149 | Dy Tuah bte Setia (Wangsa) Pahlawan Hj Mohamad | Trabau. |
| [illegible] | 2149 | Dy Tengah bte Setia (Wangsa) Pahlawan Hj. Mohamad. | Trabau |
| [illegible] | 2149 | Dy. Azizah bte Hj. Mohamad | Trabau |
| [illegible] | 2149 | Dy. Besar bte Hj. Mohamad | Trabau |
| [illegible] | 2238 | Munaf bin Md. Nasir. | Trabau |
| [illegible] | 2238 | Dy Rokiah bte A. Nasir. | Trabau |
| [illegible] | 2238 | Dy. Besar bte Nasir. | Trabau |
| 2360 | 2238 | Md. Said bin Md. Nasir. | Trabau |
| 2360 | 2238 | Dy. Amit bte Md. Nasir. | Trabau |
| 2360 | 2238 | Dy. Jambu bte Nasir. | Trabau |
| 2360 | 2238 | Dy. Abibah bte Nasir. | Trabau |
| 2362 | 2146 | Bakar bin Usman | Trabau |
| 2375 | 2322 | Daud bin Majun. | Tandrian. |
| 2388 | 2316 | Jijah bte Mamit. | Sengkurong. |
| 2388 | 2316 | Tuah bte Baha. | Sengkurong |
| 2390 | 2317 | Untong bin Sitam. | Sengkurong. |
| 2392 | 2307 | Mamit bin Saban. | Sengkurong |
| 2397 | 2314 | Ambai bte Bakar. | Sengkurong 'B' |
| 2414 | 2560 | Ajak bin Badar. | Tuma Limau. |
| 2419 | 2564 | Mail bin Hj Duraman. | Ahigina. |
| 2421 | 2575 | Tassim bin Duraman. | Timbunan. |
| 2421 | 2575 | Timinah bte Mardin. | Timbunan. |
| 2421 | 2575 | Timbang bin Duraman. | Timbunan. |
| 2421 | 2575 | Dollah bin Duraman. | Timbunan. |
| 2423 | 2561 | Mahmud bin Hj Asmat. | Selingsing. |
| 2430 | 2571 | Raman bin Hj Bakar. | Kuala Sungai Mengsalut. |
| 2432 | 2573 | Metussin bin Kanak | Tuna Limau |
| 2432 | 2573 | Matamit bin Kanak | Tuna Limau |
| 2432 | 2573 | Awg. Md Salleh bin Abdullah | Tuna Limau |
| 2435 | 2546 | Raim bin Salim | Sibungutan |
| 2439 | 2553 | Harun bin Samat | Sungai Mengsalut. |
| 2447 | 2522 | Mumin bin Merussin | Batong |
| 2452 | 2386 | Dy Halimah bte Hj Bakar | Bukit Berginjai |
| 2459 | 2448 | Samat bin Garip | Subok |
| 2459 | 2448 | Laban bte Garip | Subok |
| 2459 | 2448 | Milah bte Garip | Subok |
| 2459 | 2448 | Norsiah bte Sapar | Subok |
| 2460 | 2449 | Dy Chupak bte Mohamad | Subok |
| 2480 | 2468 | Gandi bte Puasa | Sengkurong |
| 2480 | 2468 | Asimah bte Puasa | Sengkurong |
| 2495 | 2507 | Karim bin Orang Kaya Talip | Tanjong Bunot. |
| 2508 | 2498 | Palam bte Osman | Menglait. |
| 2511 | 2501 | Sulaiman bin Burut | Rimba Gadong. |
| 2514 | 2499 | Abd. Razak bin Hj. Burut | Kiarong. |
| 2514 | 2499 | Fatimah bte Hj Burut | Kiarong. |
| 2414 | 2499 | Mayang bte Hj Burut | Kiarong. |
| 2514 | 2499 | Othman bin Hj Burut | Kiarong. |
| 2544 | 2797 | Nudin bin Bakar | Lumapas. |
| 2544 | 2797 | Jariah bte Bakar | Lumapas. |
| 2544 | 2797 | Hjh Ribut bte Lamat | Lumapas. |
| 2544 | 2797 | Awg. Kula bin Mohamad | Lumapas. |
| 2544 | 2797 | Awg. Samsu bin Mohamad | Lumapas. |
| 2544 | 2797 | Awg. Abbas bin Mohamad | Lumapas. |
| 2545 | 2793 | Apong bin Raman | Lumapas. |
| 2548 | 2803 | Lumat bin Hj Bakar | Lumapas. |
| 2548 | 2803 | Damit bin Hj Namit | Lumapas. |
| 2548 | 2803 | Dy Isah bte Namit | Lumapas. |
| 2556 | 2531 | Nikmah bte Daim | Pulau Baru-Baru. |
| 2556 | 2531 | Nisah bte Md. Salleh | Pulau Baru-Baru. |
| 2556 | 2531 | Medah bte Md. Salleh | Pulau Baru-Baru. |
| 2556 | 2531 | Minah bte Md. Salleh | Pulau Baru-Baru. |
| 2557 | 2539 | Besar bin Apong | Pulau Baru-Baru. |
| 2560 | 2541 | Metassan bin Metahir | Pulau Baru-Baru. |
| 2563 | 395 | Mat Jin bin Gador | Pulau Baru-Baru. |
| 2573 | 2835 | Alli bin Raman | Lumapas. |
| 2582 | 2800 | Said bin Taha. | Lumapas. |
| 2582 | 2800 | Tudin bin Taha. | Lumapas. |
| 2582 | 2800 | Awg. Ahad bin Taha. | Lumapas. |
| 2582 | 2800 | Tamin bin Taha. | Lumapas. |
| 2582 | 2800 | Dy Laki bte Taha. | Lumapas. |
| 2591 | 2763 | Pg. Malek bin Pg. Hj. Besar. | Tamiang Sengkurong |
| 2591 | 2763 | Saimah bte Ahad. | Tamiang Sengkurong. |
| 2591 | 2763 | Tudin bin Ahad. | Tamiang Sengkurong. |
| 2591 | 2763 | Zamilkhan bin Noorkhan. | Tamiang Sengkurong. |
| 2592 | 2841 | Tuah bte Mawang. | Sengkurong. |
| 2592 | 2841 | Johari bin Nasar. | Sengkurong. |
| 2592 | 2841 | Kasom bte Nasar. | Sengkurong. |
| 2596 | 2851 | Lakim bin Japar. | Limau Manis. |
| 2602 | 2872 | Md Jappar bin Othman. | Tarap Bau. |
| 2607 | 2663 | Hj. Bakar bin Dana Laila. | Sengkurong. |
| 2618 | 2597 | Lamudin bin Kahar. | Kilanas. |
| 2624 | 2752 | Payak bte Tamit. | Tanjong Nangka. |
| 2625 | 2751 | Besar bin Bubong. | Tanjong Nangka. |
| 2626 | 2748 | Dk. Haisah bte Pg. Said. | Tanjong Nangka. |
| 2633 | 2760 | Panjang bin Daud. | Tanjong Nangka. |
| 2637 | 2778 | Ahad bin Nayan. @ Kurus bin Nayan | Tanjong Nangka. |
| 2638 | 2773 | Dy Miga bte Sadik. | Damuan. |
| 2638 | 2773 | Angsa bte Hj. Daim. | Damuan. |
| 2638 | 2773 | Dy.Hasimah bte Adi. | Damuan. |
| 2638 | 2773 | Awg.Salim bin Adi. | Damuan. |
| 2643 | 2674 | Salleh bin Abdullah. | Mulaut. |
| 2643 | 2674 | Bahar bin Asar. | Mulaut. |
| 2674 | 2869 | Ahmad bin Tudin. | Kasat. |
| 2675 | 2876 | Kulla bin Jumaat. | Kilanas. |
| 2765 | 2875 | Banun bin Jumaat. | Kilanas. |
| 2678 | 2868 | Banun bte Lamit. | Kasat. |
| 2721 | 2913 | Namat bin Minggai. | Mentiri. |
| 2724 | 2915 | Tassim bin Duraman. | Mentiri. |
| 2731 | 2901 | Maisah bte Mawang. | Beribi. |
| 2745 | 2941 | Cheong Soon Lee. | Berakas. |
| 2749 | 2736 | Nayan bin Osman. | Tanjong Nangka. |
| 2750 | 2662 | Ainie bte Ishak. | Sengkurong. |
| 2794 | 2722 | Kahar bin Nudin. | Bantai Sengkurong. |
| 2809 | 2720 | Bagol bin Hamba. | Banti Sengkurong. |
| 2831 | 2931 | Hou Woon Hui. | Sungai Gadong. |
| 2835 | 2935 | Pg. Othman bin Pg Umar. | Gadong Menglait. |
| 2835 | 2935 | Pg Ibrahim bin Pg Umar. | Gadong Menglait. |
| 2843 | 2975 | Pg.Md. Salim bin Pg.Hashim. | Tanjong Bunot. |
| 2856 | 2984 | Lim Kwa Tee (F). | Berakas. |
| 2857 | 2972 | Awg. Tinggal bin Mohamed. | Mata-Mata. |
| 2893 | 3025 | Omar bin Mohamed. | Lumapas. |
| 2894 | 3026 | Ahmad bin Hj.Mangshor. | Lumapas. |
| 2894 | 3026 | Sarbanun bte Hj. Mangshor. | Lumapas. |
| 2896 | 3024 | Dy.Nurisah bte Awg. Said. | Lumapas. |
| 2899 | 3028 | Java bin Usop. | Lumapas. |
| 2905 | 3018 | Wee Ah Chee. | Berakas. |
| 2907 | 3019 | Tallep bin Langgar. | Mulaut. |
| 2908 | 3021 | Aw. Daud bin Aw. Taha. | Mulaut |



MENTERI Luar Thailand, Tuan Yang Terutama Ketua Marshal Udara Siddhi Savetsila menyembahkan sebuah cenderamata kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam (atas) sementara gambar bawah kelihatan Tuan Yang Terutama itu berjabat salam dengan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin semasa Istiadat Mengadap di Istana Darul Hana.

# SEKITAR MENTERI

MENTERI Luar Thailand, Tuan Yang Terutama Ketua Marshal Udara Siddhi Savetsila telah mengadakan lawatan rasmi ke negara Brunei Darussalam pada minggu lalu.

Tuan Yang Terutama Menteri Luar Thai itu mengetuai satu rombongan utusan muhibah seramai 21 orang terdiri dari pegawai-pegawai Kementerian Perdagangan, Pertanian, Ekonomi Kebangsaan dan Lembaga Perkembangan Sosial. Rombongan tersebut juga disertai oleh beberapa orang wakil dari Syarikat Swasta.

Semasa berada di sini selama tiga hari, Tuan Yang Terutama Ketua Marshal Udara Siddhi Savetsila telah mengadap kehadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam di Istana Darul Hana dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah di Hijau Baiduri.







DARI Istana Darul Hana, Tuan Yang Terutama Menteri Luar Thailand ... beredar ke Hijau Baiduri ... mengadap Y.T.M. Paduka ... Pengiran Perdana Wazir ... Himmah Wal-Waqar Pengiran ... Mohamed Bolkiah ... kelihatan Yang Teramat ... Paduka Seri Duli Pengiran ... Wazir mengalu-alukan ... T.Y.T. Menteri Luar Thailand ...

Selepas itu, Tuan Yang Terutama Menteri Luar Thailand ... kunjungan muhibah ... Pemangku Menteri ... Orang Kaya Laila Wijaya ... Setia Awang Haji ... Y.B. Pemangku ... jaan, Pehin Orang Kaya ... Pahlawan Dato Seri Setia ... dul Rahman di ... Setiausaha Kerajaan ...

Gambar kanan ... Menteri Luar Thailand ... bongan dibawa ... pameran di Muzium ... Tuan Yang Terutama ... Muzium berkenaan.

# ...AN RASMI THAILAND

mengenai perusahaan minyak dan gas di Dewan Pameran Shell di Muzium Brunei di Kota Batu.

Bagi meraikan lawatan Tuan Yang Terutama Menteri Luar dan rombongan, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah telah mengadakan satu majlis jamuan makan malam di Dewan Persantapan Lapau.

Tuan Yang Terutama Menteri Luar dan rombongan berlepas pulang pada hari Jumaat lalu.

Dengan lawatan Tuan Yang Terutama Ketua Marshal Udara Siddhi Savetsila itu, setakat ini empat orang Menteri Luar dari negara-negara ASEAN telah mengadakan lawatan ke sini.

Negeri Thai menubuhkan Konsul-Generalnya di sini dalam bulan April sementara Perwakilan Brunei telah ditubuhkan di ibu negara Thai dalam bulan Oktober lalu.



SEBAGAI meraikan lawatan T.Y.T. Menteri Luar Thailand dan rombongan, Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah telah mengadakan Majlis Jamuan Makan Malam di Dewan Persantapan Lapau. (gambar atas). Turut hadir di majlis itu ialah T.Y.T. Pesuruhjaya Tinggi British di Brunei, Awang Francis Cornish, Y.T.B. Penasihat Umum Kebawah D.Y.M.M., Y.A.B. Pemangku Menteri Besar, Y.A.M. Pengiran Speaker, Y.B. Pemangku Setiausaha Kerajaan dan lain-lain pegawai kanan Kerajaan.





... Shell Brunei Berhad dimulakan dengan taklimat oleh Awang B. Livingstone mengenai ... dan gas di Dewan Pameran Shell di Muzium Brunei (atas).

... mendengar penerangan-penerangan lebih lanjut ketika berada di Seria. Gambar atas ... ketika mendengar penerangan Awang Hamdilah bin Haji Abdul Wahab, Penguasa ... dengan pengendalian kilang yang baru sahaja memulakan perkhidmatannya pada





YANG Berhormat Pemangku Setiausaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman mengucapkan selamat belayar kepada Tuan Yang Terutama Ketua Marshal Udara Siddhi Savetsila di Lapangan Terbang Antarabangsa pada hari Jumaat lalu.

# RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

## HARI RABU 23 NOVEMBER

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 GIGGLESNORT HOTEL
5.30 SPIDERMAN
6.00 BERITA AWAL
6.05 DIFFERENT STROKES
6.09 AZAN MAGHRIB
6.19 DIFFERENT STROKES — sambungan
6.30 321 CONTACT: "Slow Monday"

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 REMINGTON STEELE: "Steele Waters Run Deep"
Remington dan Laura diarah mencari seorang pengusaha video game yang telah menghilangkan diri dengan wang lima juta dollar bersama dengan cipta-an-ciptaan baru Syarikat mengenai video game.
7.24 AZAN ISYAK
7.29 REMINGTON STEELE—sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 THREE'S COMPANY (Episod terakhir)
9.35 MAGNUM: "The Arrow That Is Not Aimed"
10.25 TAYANGAN GAMBAR: "Sixth And Main"
Seorang penulis baru wanita ingin mengkaji emosi di sebalik karektar yang terdapat di kumpulan tertentu di Los Angeles. Dia menjadi terlibat dengan satu karektar yang menyebabkan tujuan asalnya berakhir dengan konklusi penulisannya tidak menentu. Pelakon-pelakon: Leslie Nielsen, Roddy McDowell, Beverly Garland, dan lain-lain.
12.05 SIARAN TAMAT.

## HARI KHAMIS 24 NOVEMBER

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 BERITA AWAL
6.05 KIMBA THE WHITE LION: "Wild, Wild Cat"
6.09 AZAN MAGHRIB
6.19 KIMBA THE WHITE LION — sambungan
6.30 WORLD OUTDOORS: "Flashing Silver"

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 VOYAGERS: "Travels of Marco . . . And Friends"
Jeff dan Bogg tidak mengindahkan keselamatan mereka untuk menyelamat Marco Polo dari tawanan kaum ganas Karaunas.
7.24 AZAN ISYAK
7.29 VOYAGERS — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 HIDAYAT
9.05 DUNIA MINGGU INI
9.35 TIMELESS LAND: "The Fabric of Liberty"
10.35 CHICO AND THE MAN "Minority of One"
11.05 MCLAIN'S LAW: "Portrait of a Teenage Playmate"
11.55 SIARAN TAMAT.

## HARI JUMAAT 25 NOVEMBER

**TENGAH HARI**

12.00 PEMBUKAAN
12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.13 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 SIARAN LANGSUNG SEMBAH-YANG FARDU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN BANDAR SERI BEGAWAN

**PETANG**

1.25 ABC WIDE WORLD OF SPORTS
2.15 SPY FORCE
3.00 THE INVINCIBLE IRON MAN
3.31 AZAN ASAR
3.34 JOANIE LOVES CHACHI (Episod terakhir)
4.00 TALES OF MAGIC
4.25 WORLD COMMUNICATION "Satellite Communications"
4.55 THE ELECTRIC COMPANY
5.10 MANAGEMENT (Ulangan)
5.35 LAVERNE AND SHIRLEY WITH THE FONZ
6.00 BERITA AWAL
6.05 YOU ASKED FOR IT
6.09 AZAN MAGHRIB
6.19 YOU ASKED FOR IT — sambungan
6.30 ON SAFARI

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE YOUNG LAWYERS: "Are You Running With Me, Jimmy?"
Seorang pekerja kebajikan dituduh menghalang perjalanan undang-undang dengan menghimpun sekumpulan kanak-kanak yang tiada mempunyai rumah kediaman.
7.24 AZAN ISYAK
7.30 THE YOUNG LAWYERS — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 DRAMA
9.35 KNOTS LANDING "Cutting The Ties That Bind"
10.35 THE BEST OF MIDNIGHT SPECIAL
11.15 SUGAR RAY LEONARD'S GOLDEN GLOVES.
12.10 SIARAN TAMAT.

## HARI SABTU 26 NOVEMBER

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 BERITA AWAL
6.05 THUNDARR THE BARBARIAN: "Battle of the Barbarians"
6.10 AZAN MAGHRIB
6.20 THUNDARR THE BARBARIAN — sambungan
6.30 JUST KIDDING

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 JOHN DENVER ROCKEY MOUNTAIN REUNION
7.25 AZAN ISYAK
7.30 JOHN DENVER — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 KUIZ JALAN RAYA: Daerah Temburong
9.50 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA: "Tendangan Maut"
11.20 TAYANGAN GAMBAR AKHIR: "Cutter's Trail"
Sekembalinya, seorang Marshal mendapati bandarnya telah diserang oleh sekumpulan pengganas-pengganas. Penduduknya dalam ketakutan untuk membantu marshal mereka. Akhirnya seorang budak lelaki dan ibunya sahaja yang mahu menolong kerana ayahnya sendiri telah dibunuh oleh ketua pengganas itu. Pelakon-pelakon: John Garin, Marisa Pavan, Joseph Cotten, dll.
12.50 SIARAN TAMAT.

## HARI AHAD 27 NOVEMBER

**PETANG**

2.00 PEMBUKAAN
2.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
2.13 SUSUNAN RANCANGAN
2.15 FANGFACE: "Snow Job Jitter"
2.45 ARCHIE BUNKER'S PLACE
3.15 BIG LEAGUE SOCCER
3.32 AZAN ASAR
3.35 BIG LEAGUE SOCCER — sambungan
4.00 SMURF
4.30 COMPUTER PROGRAMME: "In Control"
5.00 SEVEN BRIDES FOR SEVEN BROTHERS: "The Election"
Adam menjadi sasaran satu konspirasi politik apabila dia bercadang untuk bertanding menjadi sherif setelah mengetahui sherif ketika itu menolak satu penyiasatan ke atas pembuangan sisa kimia beracun.
5.45 SPIDERMAN
6.00 BERITA AWAL
6.05 SPIDERMAN — sambungan
6.10 AZAN MAGHRIB
6.20 SPIDERMAN — sambungan
6.30 ALICE: "The Dilemma"
Apabila mengetahui Alice ingin mendirikan rumahtangga, Flo menasihatnya untuk berfikir dua kali.

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 SIMON AND SIMON: "The Rough Rider Rides Again"
A.J. dan Rick membantu seorang pelakon koboi Buck Yancey yang disyaki membunuh seorang pengarah filem yang membantutkan kemasyuran Buck.
7.25 AZAN ISYAK
7.30 SIMON AND SIMON — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 SIARAN LANGSUNG DARI DEWAN RAYA
9.20 FORUM
10.20 TEACHERS ONLY
10.50 CASABLANCA: "Jenny"
Rick Blaine menolong seorang pelacur yang menginginkan kembali kepada seorang wanita yang dicintainya. Dengan itu melibatkan dirinya dengan satu plot espionai oleh seorang pegawai tinggi Jerman dalam Gestapo.
11.35 SIARAN TAMAT.

## HARI ISNIN 28 NOVEMBER

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 POSTMAN PAT: "Postman Pat's Birthday"
5.15 PANDAMONIUM: "Timothy's Story"
5.40 CHALLENGE OF THE SUPER-FRIENDS: "The World's Deadliest Game"
The Legion of Doom memeras ugut ketua-ketua negara dunia untuk menyerahkan kekayaan mereka demi untuk keselamatan the Superfriends.
6.00 BERITA AWAL
6.05 NEPTUNE JOURNALS: "Man Against The Sea" Bhg. I
Sudah beribu tahun manusia melawan dan juga mendapat keuntungan dari laut yang mula-mula memberi kita kehidupan. Kali ini marilah kita bersama Colonel John Craig seorang jurugambar pakar dalam penggambaran dalam air untuk mengetahui sedikit misteri yang terdapat di dasar laut itu.
6.10 AZAN MAGHRIB
6.20 NEPTUNE JOURNALS — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 TRAPPER JOHN M.D.: "Thanks for Giving"
Di suatu malam dalam kabus yang tebal, Trapper dilanggar kereta dipandu oleh Arnie, menyebabkan Trapper nyaris maut. Teman-teman sekerjanya terpaksa melakukan pembedahan kecemasan kepada "TRAP".
7.25 AZAN ISYAK
7.30 TRAPPER JOHN M.D. — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 ALL STAR WRESTLING
10.05 THE WINDS OF WAR
10.35 BARE ESSENCE Bhg. 3
Walaupun menghadapi berbagai rintangan, Chase dan Tyger Hays berjaya juga dengan perniagaan mereka dan dalam proses itu jatuh cinta di antara keduanya.
12.35 SIARAN TAMAT.

## HARI SELASA 29 NOVEMBER

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 PACMAN
5.30 THE GARY COLEMAN SHOW
6.00 BERITA AWAL
6.05 BID FOR POWER: "Feasibility"
6.10 AZAN MAGHRIB
6.20 BID FOR POWER — sambungan
6.25 DANCES OF THE WORLD
6.35 CAMP WILDNERNESS: "Desert Trek" Bhg. I.

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE FALL GUY: "Manhunters"
7.25 AZAN ISYAK
7.30 THE FALL GUY — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 DYNASTY: "Reunion In Singapore"
10.25 TAYANGAN GAMBAR: "Murder on Flight 502"
Satu pembunuhan dilakukan ketika dalam penerbangan menyeberang Atlantik. Penumpang-penumpang dan anak-anak buah kapal terbang percaya ada seorang pembunuh di antara mereka dan dia mungkin akan membunuh lagi. Pelakon-pelakon: Ralph Bellamy, Theodore Bikel, Sonny Bono, dll.
12.25 SIARAN TAMAT.

# RANCANGAN TVP

## Dari 28 November hingga 3 Disember 1983

### ISNIN — 28 NOVEMBER

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 1008.
Rancangan hari ini dimuati dengan aktiviti-aktiviti seperti BELON SI MANIS, DI MANA TEMPATNYA, MINUM, MAIN BAKUL, MENYANYI dan CERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 1008.

### SELASA — 29 NOVEMBER

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 1009.
Dalam rancangan hari ini Cikgu Rokiah dan anak-anak akan membuat aktiviti-aktiviti seperti BERLAKON, KERJA TANGAN, SI MANIS, IKUT KETUA, MENYANYI dan CERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 1009.

### RABU — 30 NOVEMBER

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 1010.
Rancangan kali ini dimuati dengan aktiviti-aktiviti seperti MAIN MUZIK, HALAMAN BELAJAR, MINUM, BERSENAM, HALAMAN BINATANG dan CERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 1010.

### KHAMIS — 1 DISEMBER

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 1011.
Dalam rancangan kali ini Cikgu Rokiah dan anak-anak akan membuat aktiviti-aktiviti seperti MAIN BAKUL, TEKA BENDA, MINUM, AMINAH, BOLA TUMBUK, TEKA BUNYI dan CERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 1011.

### SABTU — 3 DISEMBER

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 1012.
Rancangan hari ini dimuati dengan aktiviti-aktiviti seperti KETUA KESELAMATAN, YANG MANA GANJIL, MINUM, BOLA TUMBUK, MENYANYI dan CERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 1012.

# RTB Intisari minggu ini

## *Balai Drama:*

# SAKSI BISU

OLEH: MOHD. HAIROL AZMI.

BAGAIMANAKAH orang bisu akan dapat membuktikan ia mampu menjadi saksi pada satu-satu isu penting? Inilah yang diketengahkan oleh penulis Mohd Hairol Azmi dalam Balai Drama minggu ini dengan tulisan beliau yang berjudul SAKSI BISU.

Di awal drama ini, pemegang watak Bakar yang berperanan bisu telah menyaksikan satu kejadian ngeri hingga melibatkan hilangnya nyawa seorang kanak-kanak dan telah menyebabkan kepincangan pada Pak Murad, ayah kepada Nazri. Kejadian ngeri tersebut ialah kejadian langgarlari di mana Bakar adalah satu-satunya saksi yang tidak mampu untuk memberikan keterangan penuh seperti yang sepatutnya.

Di satu kejadian lain, Bakar yang bisu itu sekali lagi telah menjadi saksi pada satu kejadian buruk yang menimpa Ilah akibat perbuatan keji Nazri. Kejadian itu berlaku sebagai ekoran dari perasaan dendam Nazri setelah pinangan terhadap Ilah ditolak. Berbangkit dari situ juga, masalah lain timbul yang melibatkan Cikgu Zaid, guru sekolah Ilah yang juga sekali gus menaruh hati pada Ilah.

Keadaan menjadi semakin tegang bila pada satu hari Cikgu Zaid menghantar Ilah balik ke kampung dengan menaiki kereta berwarna merah. Kereta itulah yang menimbulkan satu tanda tanya besar apabila Bakar yang berkebetulan berada di sana dengan tiba-tiba menjadi kelam-kabut dan seolah-olah cuba hendak menyatakan sesuatu yang penting pada Nazri yang ada bersamanya ketika itu.

Apakah yang sebenarnya ingin disampaikan oleh Bakar pada Nazri? Mugkinkah ia sebagai satu-satunya saksi dengan cara dan gayanya sendiri itu akhirnya akan dapat menjernihkan keadaan yang keruh itu? Apa pula kisah sebenar yang terjadi di antara Nazri dan Ilah? Ikutilah kemuncak Balai Drama ini yang akan disiarkan pada 27 November, 1983 jam 10.30 pagi.

Rancangan ini diterbitkan untuk siaran oleh Haji Abdullah Awg. Damit.



KELIHATAN di dalam gambar ini ialah pelakon dan pekerja yang sedang membuat penggambaran akhir drama komidi "Kebajikan Di Mana-Mana" di mana penerbitnya (PHT. Tajuddin) sedang memberikan penerangan kepada Wang Jambol, manakala Dang Limah sedang menanti gilirannya. Drama ini akan dapat disaksikan pada 25 November, 1983 kira-kira jam 9.05 malam.



## Dari Pendengar Untuk Pendengar

MENDAPAT giliran untuk memilih lagu-lagu dalam rancangan Dari Pendengar Untuk Pendengar minggu ini ialah Awang Sapar bin Odar di alamat No. 18 Kampung Madang, Berakas, Brunei.

Seperti biasa Awang Sapar akan memilih beberapa buah lagu kegemarannya untuk hiburan para peminat rancangan ini dan para pendengar khususnya. Jangan lupa rancangan ini akan ke udara pada hari Isnin 28 November jam 1.30 petang.

## RADIO MINGGU INI:

# MUSIK.... MUSIK.... MUSIK

APALAH ada pada tiap-tiap dikatakan musik, nyanyian, dan lagu. Bukan mengenyangkan perut. Tapi orang menyanyi tetap berlagu. Yang tak pandai menyanyi, sembunyi-sembunyi menyanyi di bilik mandi, walaupun suara, macam 'pantong'. Namun kan menyanyi tetap menyanyi.

Banyak orang yang protes, kompelin, bersungut, kritik, radio itu tidak lain yang diputarnya cuma musik. Kerja tak berfaedah. Memekakkan telinga. Tapi semakin banyak yang bersungut makin bertambah banyak pula kad-kad lagu permintaan yang diterima. Ada yang telefon, ada yang marah, ada yang menyumpah bila lagu permintaan mereka tak keluar.

Syarikat-syarikat pembuat piring-piring hitam tumbuh bak cendawan dimerata dunia. Rekod-rekod atau piring-piring hitam makin bertambah laris macam menjual goreng pisang panas saja. Penyanyi-penyanyi piring hitam atau yang lebih nyaman disebut sekarang penyanyi-penyanyi pop makin jadi pujaan ramai. Jadi 'favourite' jadi sanjungan, jadi impian malah ada yang tergila-gila pada penyanyi-penyanyi pop. Siapa tak kenal 'The Beatle' walaupun kumpulan ini lahir dalam tahun 60an, hingga saat ini menjadi ristaan berjuta peminatnya. Siapa tak kenal S. Ros, penyandang berbagai juara di negara ini, M. Nordin, penyanyi ala Hindustan, dan, dan . . . semuanya jadi topik perbicaraan anak-anak muda.

Dan siapa bilang orang tua memusuhi musik dan lagu. Sesekali diputarkan lagu asli di radio banyak orang-orang tua yang menung dan menarik nafas panjang, tergenang air mata, basah kelopaknya. Barangkali . . . . ya, barangkali musik itu membawa dia kepada kenangan-kenangan manis dua tiga puluh tahun nan silam, di masa mana dayang-dayang ketika itu memakai gelang kaki, berkain songket baju kebaya.

Dan siapa bilang orang-orang alim anti lagu. Kami kira kalau diputarkan lagu Nasyid dan Qasidah sebahagian besar peminatnya tentulah orang-orang ugama.

Kesimpulannya semua orang cintakan musik, cintakan nyanyi, cintakan lagu. Cuma sekadar yang menjadi perbezaan ialah jenis-jenis lagu dan nyanyian itu saja, dan wajarkah kalau dikatakan ada manusia anti musik?

Dalam pada itu kita pun kurang mengerti kenapa manusia cintakan musik. Pada hal sebagaimana yang dikatakan tadi, musik itu tidak mengenyangkan perut. Orang yang cintakan musik tidak pernah bertambah bisai mukanya, macam biasa saja, tapi orang masih terus cintakan musik.

Entah ya entah tidak, wallahuaklam, tapi seorang teman yang putus cinta dan hampir-hampir membunuh diri tak segan-segan mengakui bahawa ubat yang paling mujarab bagi hatinya yang patah itu ialah musik dan lagu. Ia menggemarkan lagu-lagu sedih-sedih, walaupun ia menangis mengikuti lagu sedih itu, tapi ternyata ia merasa amat puas. Dan seorang teman yang ditimpa penyakit rindu pula mengatakan, bila rindunya sampai menyumbat-nyumbat tangkai nyawanya, dia lantas memutarkan lagu pujaannya dan rindunya pun beransur hilang, dan selera makannya pun terbukalah sikit. Barangkali inilah yang dikatakan makanan rohani, penyakit rohani, tak dapat diubat dengan peninselin.

Benar atau kelakar wallahuaklam, tapi ada orang yang menyatakan kalau kamu ingin mempunyai jiwa yang halus, perasaan yang lunak, ajarlah hatimu dan telingamu berjinak-jinak dengan musik. Barangkali benar. Kerana orang-orang alim juga pernah mengatakan untuk melatih hati supaya tambah 'takwa' kepada Tuhan belajarlah mendengar bacaan Al-Quran dengan khusyuk.

## BINTANG KECIL '84 TEMBURONG DAN TUTONG

DUA daerah telah pun selesai mengadakan pemilihan Bintang Kecil '84. Daerah Temburong dan Daerah Tutong. Peserta-peserta yang terpilih mewakili daerah masing-masing ke pertandingan separuh akhir se-Negara ialah: —

*Daerah Temburong*

1. Dayang Mordianah Pungut
2. Dayang Normawati Mokhtar
3. Dayang Rubiah Labau
4. Dayang Masnadi Mokhtar
5. Dayang Rohaya Udan
6. Dayang Salbiah Hitam.

*Daerah Tutong*

1. Dayang Rosinah Sabli
2. Dayang Sorayaernie Mornee
3. Dk Maraini Pg Idris
4. Awang Md Faizal Haji Md Kassim
5. Dayang Titi Aryanti Abdul Latiff
6. Dayang Norzalinawati Ali Zainal.

## Drama Komidi:

# 'KEBAJIKAN DI MANA MANA'

DRAMA Komidi berjudul 'KEBAJIKAN DI MANA-MANA' hasil karya Haji Sulaiman Haji Abdul Wahab mempaparkan persengketaan antara Awang Jambol dengan Awang Khamis semakin memuncak disebabkan perebutan kasih dan cinta tigasegi dengan seorang janda muda bernama Dang Limah.

Awang Jambol yang sering saja berangan-angan hendak meminang Dang Limah anak Haji Liau Badar, selalu saja mendapat gangguan dan halangan dari musuh ketatnya Awang Khamis hingga sampai ke satu peringkat mereka menggunakan keris dan dengan ilmu kesaktian masing-masing.

Haji Liau Badar tiba-tiba muncul sebagai Tazan untuk meleraikan peraduhan itu dan cuba menyelesaikannya untuk membawa ke muka pengadilan. Awang Jambol membuat bantahan kepada Liau Tazan kerana belum pernah terjadi keturunannya dihadapkan ke pengadilan lalu Awang Jambol cuba memberikan wang sogokan kepada Liau Tazan supaya perkara itu jangan berpanjangan.

Awang Khamis membantah atas perbuatan itu kerana ianya merupakan rasuah yang tidak patut diamalkan.

Drama ini mempaparkan talatah-talatah lucu dengan kemunculan pelakon-pelakon yang sudah diminati ramai seperti Dk. Maskuin, Hj. Rais Banih, Pg. Sulaiman, Haji Metussin, Rubiah Puteh dan Haji Matnoor.

Drama dua siri ini akan disiarkan pada hari Jumaat, 25 November, 1983 kira-kira jam 9.05 malam.



*ADEGAN dari SIXTH AND MAIN — tayangan gambar malam ini.*

# Kejohanan Piala Merlion

## SUKAN PELITA

Kelolaan: Manaf Rahman

# SKUAD KEBANGSAAN JALANI LATIHAN INTENSIF

SETELAH berada di sebalik bayang-bayang sebenar, skuad kebangsaan kini menjalankan latihan keras dan intensif kira-kira lima minggu sebelum beraksi semula di peringkat antarabangsa.

Kejohanan bola sepak Piala Merlion yang akan berlangsung di Singapura awal Disember depan akan menjadi titik tolak pasukan kebangsaan untuk meniti balik kejayaan dan kelakonan mereka yang cemerlang tidak berapa lama dulu.

Sejak menunjukkan prestasi yang baik dan menonjol di siri Piala Malaysia dan Sukan SEA lepas, persembahan pasukan kebangsaan menurun dan terus menurun. Begitu menghairankan.

Gagal dan terus gagal menyelubungi pasukan negara. Setelah merosot di kejohanan tiga wilayah, skuad negara terus dilanda gelombang masalah.

Kekalahan demi kekalahan diterima dan dari empat perlawanan persahabatan selama ini kita hanya menang sekali! Bermacam keluhan dan pertanyaan timbul dari mulut para penyokong dan peminat tempatan.

Ke mana menghilangnya bisa patukan pasukan negara faktor utama timbulnya masalah ini mungkin kerana disebabkan kesuntukan masa latihan. Hakikat ini perlu diakui. Kadangkala para pemain hanya dapat bersama sepenuhnya dalam dua tiga hari saja sebelum menghadapi satu-satu perlawanan.

Untuk bertarung di kejohanan antarabangsa Piala Merlion ini, pihak berkenaan terutamanya BAFA mengambil inisiatif untuk memberikan temuh latihan yang lama sedikit iaitu selama lebih dua minggu untuk menyatukan para pemain.

Tempoh dua minggu adalah satu masa yang lama apa lagi jika ianya merupakan latihan keras, pagi dan petang.

Tidak ada yang perlu dipertikaikan lagi. Para pemain telah disatukan. Semuanya sekarang terletak kepada para pemain.

Menghadapi kejohanan Piala Merlion bukan seperti perlawanan persahabatan atau Piala Malaysia. Kita akan berhadapan dengan negara-negara yang lebih maju dalam bola sepak.

Hakikat yang perlu kita akui ialah negara Brunei sudah terdedah dan diakui mencabar di bidang ini. Jadi setiap negara yang bertemu dengan negara ini tidak lagi memandang kecil malah mereka ingin pula menyahut peningkatan dan kemajuan bola sepak negara ini.

Kita tidak boleh gagal. Kalau kalah pun sedikit sebanyak biar mereka terasa pedas dan sakitnya pingangan Brunei dengan para pemain yang bersemangat dan tidak mengenal erti tewas!



**JURULATIH, Awang Haji Idris, ketika menerangkan sesuatu kepada pemain-pemain kebangsaan kita untuk Kejohanan Piala Merlion di padang Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan baru-baru ini.**

## 3 pemain kebangsaan dipanggil semula

TIGA bekas pemain kebangsaan telah dipanggil semula bagi menyertai skuad kebangsaan Piala Merlion.

Bekas ketua pasukan kebangsaan, Dayem Hj. Ali dan pemain tengah Ali Leman serta pemain pertahanan yang cekap, Shair Bakar kini menyertai kem latihan bagi memperkukuhkan kekuatan yang ada.

Dayem yang merupakan pemain pertahanan ulung sebelum ini telah 'bersara' mewakili negara sejak kejohanan Piala Malaysia 1980 dan jika terpilih dalam kesebelasan utama negara maka ianya adalah jejaknya yang pertama dari 'pencen muda' itu.

Meskipun setakat ini kecergasan beliau masih diragukan, namun menjelang bermulanya nanti kejohanan bola sepak Piala Merlion nanti, Dayem dijangka dapat mencapai tahap kecergasan yang memuaskan.

Jurulatih kebangsaan Awang Haji Idris tentu lebih berkeyakinan untuk menggunakan khidmat pemain itu di bahagian pertahanan meskipun sejak akhir-akhir ini beliau lebih banyak bermain di tengah atau hadapan.

Dengan ketiadaan pemain pertahanan Jafari Samat, jurulatih kebangsaan itu tentunya ingin menemukan semula Dayem dengan Pg. Tajuddin yang sememangnya dari dulu lagi merupakan pasangan pertahanan pasukan kebangsaan negara.

Dengan kecederaan yang masih menghantui seorang lagi pemain pertahanan, Ahmad Hj. Mohin tempat kesebelasan untuk dimasuki beliau akan lebih cerah.

Kehadiran Shair Bakar tentu melegakan perasaan mereka yang berada di skuad Merlion ini. Sejak kecederaan beliau di dagu yang memaksanya berehat hampir setahun yang dialami di kejohanan Piala Borneo 1982, posisi di bek kanan sering bertukar ganti.

Dengan adanya Shair nanti, Shari Timbang berpeluang semula kembali ke tempat asalnya dan kemunculan Shari di tengah dapat dilihat kesannya sewaktu pasukan kebangsaan bertemu Northern Territory.

Skuad kebangsaan kini mempunyai dua pemain pertahanan yang suka 'menggempur' melalui sayap kanan dan kiri iaitu Shair dan Yusof Rashid.

Sementara itu Ali Leman mungkin menghadapi persaingan hebat untuk mendapatkan tempat kesebelasan utama. Hanya jika beliau dapat menunjukkan prestasi yang cemerlang atau kecederaan menimpa pemain tengah yang lain baru Ali dapat menyusupkan diri nanti.

## BRUNEI A Juara Piala Presiden

**BRUNEI A menjulang kejuaraan Piala Presiden yang buat pertama kali dipertandingkan dengan menewaskan Brunei B dua gol berbalas satu.**

**Pertandingan akhir telah berlansung pada 6 November lepas di Padang Kebajikan Berakas. Turut menyaksikan ialah YB Pemangku Setiausaha Kerajaan selaku Presiden BAFA dan pegawai-pegawai yang lain serta jemputan khas.**

**Kejohanan tersebut telah diambil bahagian oleh Brunei Muara, Temburong dan Belait. Gambar — para pemain Brunei A berserta dengan pegawai dan pengurus mereka.**



## Skuad kali ini lebih mantap

"KITA akan cuba mempersembahkan yang sebaiknya." Demikian janji yang diberikan oleh jurulatih kebangsaan Awang Hj. Idris ketika ditemui semasa latihan skuad Piala Merlion.

Meskipun mengetahui yang pertandingan ini bakal bertemu dengan calang-calang pasukan tetapi dengan skuad yang ada sekarang beliau merasa lega sedikit.

"Pasukan kali ini kebersebangan di kesemua posisi bukan seperti yang dialami musim lalu," jelasnya.

Skuad kali ini juga mungkin lebih mantap dengan kehadiran dua bekas pemain kebangsaan, Dayem dan Shair.

Khidmat dua pemain ini penting terutama untuk mengunci setiap serangan lawan dan beliau berkeyakinan untuk menemukan semula rangkaian Dayem dengan Pg. Tajuddin, benteng yang kukuh tidak berapa lama dulu.

Walaupun Jafari dan Zainuddin Kassim tidak dapat bersama kali ini tetapi ketiadaan mereka telah dapat di atasi.

Dayem akan mengambil tempat Jafari kerana Ahmad Hj. Mohin masih belum pulih sepenuhnya dan Jafar Sulong mengemudi tempat kekosongan Zainuddin.

Latihan keras dua minggu ini meliputi segala aspek dan menurut Awang Hj. Idris tambahan bagi daya ketahanan akan diadakan termasuk angkat berat dan 'indoor games' di Pusat Belia pada minggu terakhir sebelum berangkat ke Singapura.

"Kita memerlukan para pemain yang cergas dan tahan lasak bukan saja dari segi staminanya malah pada ketegapan badan. Ini perlu. Kejohanan ini bukannya dengan pasukan seperti di Piala Malaysia malah ianya adalah dengan pasukan yang benar-benar mencabar.

"Daya ketahanan, kepantasan dan kecepatan berfikir diperlukan. Dalam aspek ini kita masih ketinggalan dalam daya kecepatan berfikir seperti yang pernah disaksikan dalam perlawanan-perlawanan persahabatan sebelumnya," jelasnya.

Skuad 18 pemain Piala Merlion ialah Ibrahim Bakar, Zaini Alias, Pg. Tajuddin, Dayem Hj. Ali, Shair Bakar, Yusof Rashid, Shari Timbang, Zulkifli Anis, Jaafar Sulong, Majidi Ghani, Roslan Hj. Suhaili, Pg. Zamani, Rahman Mertarsad, Ahmad Hj. Mohin, Razak Yahya, Ainin Hj. Abas, Ali Leman dan Aji Hj. Metali.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Di Perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan Brunei

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Brunei.

1. PEKERJA LUAR BATUK KERING: (di Jabatan Perubatan dan Kesihatan). (E/764/74).

**Tanggagaji:**
F. 2-3-4-5 EB. 6 — $390-$620 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**
a) Calon-calon mestilah berumur di antara 18 hingga 30 tahun dan lulus Tingkatan III (aliran Melayu) atau yang sebanding dengannya.
b) Calon-calon mestilah mempunyai pengalaman dalam urusan-urusan yang dikendalikan di Bahagian Klinik Dada.

2. PEMBANTU BENGKEL-BENGKEL: (Askar Melayu Diraja Brunei). (E/942/83).

**Tanggagaji:** D. 1-2-3 EB. 4-5 — $425-$1290 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**
a) Lulus sekurang-kurangnya satu mata pelajaran Sijil Am Pelajaran.
b) Berumur di antara 18 hingga 40 tahun.
c) Mempunyai pengalaman dalam Metalwork atau Woodwork sekurang-kurangnya 3 tahun.
d) Calon-calon yang mempunyai pengetahuan dan boleh bertutr dan menulis dalam Bahasa Inggeris adalah satu kelebihan.

**Am:**
Calon yang berjaya akan ditempatkan di Bengkel Pusat Pengajian, Bolkiah Kem.

3. PENOLONG PENGARANG: (di Dewan Bahasa dan Pustaka), (E/550/75).

**Tanggagaji:** D. 3 EB.4-5— $720-$1290 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**
a) Lulus Peperiksaan Sijil Brunei Cambridge (Peringkat Biasa) atau yang sebanding dengannya dan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan Kesusteraan Melayu.
b) Mempunyai bakat dan pengalaman dalam karang-mengarang kreatif dan bukan kreatif dan dapat menunjukkan karya-karya yang sudah diterbitkan.
c) Keutamaan akan diberi kepada pemohon-pemohon yang dapat menguasai 2 bahasa dan juga berkebolehan membaca dan menulis Jawi dengan baik.

Satu ujian bertulis akan diberikan kepada semua calon untuk mempastikan kesesuaian mereka.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Brunei. Tarikh tutup: 26 Disember, 1983.

(Bil: 222/1983).

## KENYATAAN TAWARAN ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI

### NO. TAWARAN. 79/83
MEMBEKALKAN:
ALTERNATOR UNTUK L/R 101"

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, terletak di luar Pejabat Kewangan Brunei, di tingkat bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, sehingga jam 12.00, hari Isnin 19 Disember, 1983.
2 Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Pejabat Procurement, Depoh Logistik, Askar Melayu Diraja Brunei, Bolkiah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730 — 1400 tiap-tiap hari Isnin hingga Khamis, 0730 — 1130 tiap-tiap hari Jumaat; Sabtu dan Ahad tidak dibuka).
3. Contoh-contoh, katalog-katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah diserahkan dan dihantar kepada Pejabat Procurement, Bolkiah Kem, AMBD tidak lewat dari 3 hari selepas tarikh Tawaran ditutup. Gambar-gambar biasa adalah tidak diterima.
4. Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana jua tawaran.

### NO. TAWARAN: 85/83
MEMBEKALKAN:
CARDBOARD PACKAGES

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, terletak di luar Pejabat Kewangan Brunei, di tingkat bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, sehingga jam 12.00, hari Isnin 19 Disember, 1983.
2 Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Pejabat Procurement, Depoh Logistik, Askar Melayu Diraja Brunei, Bolkiah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730 — 1400 tiap-tiap hari Isnin hingga Khamis, 0730 — 1130 tiap-tiap hari Jumaat; Sabtu dan Ahad tidak dibuka).
3. Contoh-contoh, katalog-katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah diserahkan dan dihantar kepada Pejabat Procurement, Bolkiah Kem, AMBD tidak lewat dari 3 hari selepas tarikh Tawaran ditutup. Gambar-gambar biasa adalah tidak diterima.
4. Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana jua tawaran.

### NO TAWARAN: 86/83
MEMBEKALKAN:
PERALATAN DAN PAKAIAN TENTERA

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, terletak di luar Pejabat Kewangan Brunei, di tingkat bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, sehingga jam 12.00, hari Isnin 19 Disember, 1983.
2 Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Pejabat Procurement, Depoh Logistik, Askar Melayu Diraja Brunei, Bolkiah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730 — 1400 tiap-tiap hari Isnin hingga Khamis, 0730 — 1130 tiap-tiap hari Jumaat; Sabtu dan Ahad tidak dibuka).
3. Contoh-contoh, katalog-katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah diserahkan dan dihantar kepada Pejabat Procurement, Bolkiah Kem, AMBD tidak lewat dari 3 hari selepas tarikh Tawaran ditutup. Gambar-gambar biasa adalah tidak diterima.
4. Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana jua tawaran.

### NO. TAWARAN. 87/83
MEMBEKALKAN:
FIELD DRESSING

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, terletak di luar Pejabat Kewangan Brunei, di tingkat bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, sehingga jam 12.00, hari Isnin 19 Disember, 1983.
2 Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Pejabat Procurement, Depoh Logistik, Askar Melayu Diraja Brunei, Bolkiah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730 — 1400 tiap-tiap hari Isnin hingga Khamis, 0730 — 1130 tiap-tiap hari Jumaat; Sabtu dan Ahad tidak dibuka).
3. Contoh-contoh, katalog-katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah diserahkan dan dihantar kepada Pejabat Procurement, Bolkiah Kem, AMBD tidak lewat dari 3 hari selepas tarikh Tawaran ditutup. Gambar-gambar biasa adalah tidak diterima.
4. Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana jua tawaran.

### NO. TAWARAN: 88/83
MEMBEKALKAN:
ENGINE ANALYSER SPARES (322 MOTOR MASTER)

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, terletak di luar Pejabat Kewangan Brunei, di tingkat bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, sehingga jam 12.00, hari Isnin 19 Disember, 1983.
2. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Pejabat Procurement, Depoh Logistik, Askar Melayu Diraja Brunei, Bolkiah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730 — 1400 tiap-tiap hari Isnin hingga Khamis, 0730 — 1130 tiap-tiap hari Jumaat; Sabtu dan Ahad tidak dibuka).
3. Contoh-contoh, katalog-katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah diserahkan dan dihantar kepada Pejabat Procurement, Bolkiah Kem, AMBD tidak lewat dari 3 hari selepas tarikh Tawaran ditutup. Gambar-gambar biasa adalah tidak diterima.
4. Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana jua tawaran.

### NO. TAWARAN: 89/83
MEMBEKALKAN:
PAM AIR UNTUK SANKEY

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, terletak di luar Pejabat Kewangan Brunei, di tingkat bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, sehingga jam 12.00, hari Isnin 19 Disember, 1983.
2 Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Pejabat Procurement, Depoh Logistik, Askar Melayu Diraja Brunei, Bolkiah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730 — 1400 tiap-tiap hari Isnin hingga Khamis, 0730 — 1130 tiap-tiap hari Jumaat; Sabtu dan Ahad tidak dibuka).
3. Contoh-contoh, katalog-katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah diserahkan dan dihantar kepada Pejabat Procurement, Bolkiah Kem, AMBD tidak lewat dari 3 hari selepas tarikh Tawaran ditutup. Gambar-gambar biasa adalah tidak diterima.
4. Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana jua tawaran.

### TAWARAN BIL. 90/1983
MEMBEKALKAN:
PERALATAN DAN PAKAIAN TENTERA

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, terletak di luar Pejabat Kewangan, Brunei, di tingkat bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, sehingga jam 1200, hari Isnin 19 Disember, 1983.
2. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Pejabat Procurement, Depoh Logistik, Askar Melayu Diraja Brunei, Bolkiah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730 — 1400 tiap-tiap hari Isnin hingga Khamis, 0730 — 1130 tiap-tiap hari Jumaat, Sabtu dan Ahad tidak dibuka).
3. Contoh-contoh katalog-katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah disertakan dan dihantar kepada Pejabat Procurement, Bolkiah Kem, AMDB tidak lewat dari 3 hari selepas tarikh Tawaran ditutup. Gambar-gambar biasa adalah tidak diterima.
4. Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana jua tawaran.

### TAWARAN BIL. 91/1983
MEMBEKALKAN:
ALAT GANTI KAPAL

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, terletak di luar Pejabat Kewangan, Brunei, di tingkat bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, sehingga jam 1200, hari Isnin 19 Disember, 1983.
2. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Pejabat Procurement, Depoh Logistik, Askar Melayu Diraja Brunei, Bolkiah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730 — 1400 tiap-tiap hari Isnin hingga Khamis, 0730 — 1130 tiap-tiap hari Jumaat, Sabtu dan Ahad tidak dibuka).
3. Contoh-contoh katalog-katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah disertakan dan dihantar kepada Pejabat Procurement, Bolkiah Kem, AMDB tidak lewat dari 3 hari selepas tarikh Tawaran ditutup. Gambar-gambar biasa adalah tidak diterima.
4. Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana jua tawaran.

### TAWARAN BIL. 92/1983
MEMBEKALKAN:
SETOR AM

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, terletak di luar Pejabat Kewangan, Brunei, di tingkat bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, sehingga jam 1200, hari Isnin 19 Disember, 1983.
2. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Pejabat Procurement, Depoh Logistik, Askar Melayu Diraja Brunei, Bolkiah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730 — 1400 tiap-tiap hari Isnin hingga Khamis, 0730 — 1130 tiap-tiap hari Jumaat, Sabtu dan Ahad tidak dibuka).
3. Contoh-contoh katalog-katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah disertakan dan dihantar kepada Pejabat Procurement, Bolkiah Kem, AMDB tidak lewat dari 3 hari selepas tarikh Tawaran ditutup. Gambar-gambar biasa adalah tidak diterima.
4. Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana jua tawaran.

### TAWARAN BIL. 93/1983
MEMBEKALKAN:
ALAT GANTI SCAFFFOLDING

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, terletak di luar Pejabat Kewangan, Brunei, di tingkat bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, sehingga jam 1200, hari Isnin 19 Disember, 1983.
2. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Pejabat Procurement, Depoh Logistik, Askar Melayu Diraja Brunei, Bolkiah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730 — 1400 tiap-tiap hari Isnin hingga Khamis, 0730 — 1130 tiap-tiap hari Jumaat, Sabtu dan Ahad tidak dibuka).
3. Contoh-contoh katalog-katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah disertakan dan dihantar kepada Pejabat Procurement, Bolkiah Kem, AMDB tidak lewat dari 3 hari selepas tarikh Tawaran ditutup. Gambar-gambar biasa adalah tidak diterima.
4. Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana jua tawaran.

### TAWARAN BIL. 95/1983
MEMBEKALKAN:
PERKAKAS PENGUJIAN ALAT HAWA DINGIN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, terletak di luar Pejabat Kewangan, Brunei, di tingkat bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, sehingga jam 1200, hari Isnin 19 Disember, 1983.
2. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Pejabat Procurement, Depoh Logistik, Askar Melayu Diraja Brunei, Bolkiah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730 — 1400 tiap-tiap hari Isnin hingga Khamis, 0730 — 1130 tiap-tiap hari Jumaat, Sabtu dan Ahad tidak dibuka).
3. Contoh-contoh katalog-katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah disertakan dan dihantar kepada Pejabat Procurement, Bolkiah Kem, AMDB tidak lewat dari 3 hari selepas tarikh Tawaran ditutup. Gambar-gambar biasa adalah tidak diterima.
4. Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana jua tawaran.

### TAWARAN BIL. 96/1983
MEMBEKALKAN:
PERKAKAS ABRASIVE BLAST

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, terletak di luar Pejabat Kewangan, Brunei, di tingkat bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, sehingga jam 1200, hari Isnin 19 Disember, 1983.
2. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Pejabat Procurement, Depoh Logistik, Askar Melayu Diraja Brunei, Bolkiah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730 — 1400 tiap-tiap hari Isnin hingga Khamis, 0730 — 1130 tiap-tiap hari Jumaat, Sabtu dan Ahad tidak dibuka).
3. Contoh-contoh katalog-katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah disertakan dan dihantar kepada Pejabat Procurement, Bolkiah Kem, AMDB tidak lewat dari 3 hari selepas tarikh Tawaran ditutup. Gambar-gambar biasa adalah tidak diterima.
4. Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana jua tawaran.

### TAWARAN BIL. 97/1983
MEMBEKALKAN:
FAST ASSAULT BOATS RIGID RAIDER.

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, terletak di luar Pejabat Kewangan, Brunei, di tingkat bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, sehingga jam 1200, hari Isnin 19 Disember, 1983.
2. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Pejabat Procurement, Depoh Logistik, Askar Melayu Diraja Brunei, Bolkiah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730 — 1400 tiap-tiap hari Isnin hingga Khamis, 0730 — 1130 tiap-tiap hari Jumaat, Sabtu dan Ahad tidak dibuka).
3. Contoh-contoh katalog-katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah disertakan dan dihantar kepada Pejabat Procurement, Bolkiah Kem, AMDB tidak lewat dari 3 hari selepas tarikh Tawaran ditutup. Gambar-gambar biasa adalah tidak diterima.
4. Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana jua tawaran.

### TAWARAN BIL. 98/1983
MEMBEKALKAN:
HARRIS RADIO SPARES USA

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, terletak di luar Pejabat Kewangan, Brunei, di tingkat bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, sehingga jam 1200, hari Isnin 19 Disember, 1983.
2. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Pejabat Procurement, Depoh Logistik, Askar Melayu Diraja Brunei, Bolkiah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730 — 1400 tiap-tiap hari Isnin hingga Khamis, 0730 — 1130 tiap-tiap hari Jumaat, Sabtu dan Ahad tidak dibuka).
3. Contoh-contoh katalog-katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah disertakan dan dihantar kepada Pejabat Procurement, Bolkiah Kem, AMDB tidak lewat dari 3 hari selepas tarikh Tawaran ditutup. Gambar-gambar biasa adalah tidak diterima.
4. Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana jua tawaran.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN

TAWARAN adalah dipelawa dari pemohon-pemohon tempatan untuk menguruskan sebuah Restoran di Bangunan Stadium Hassanal Bolkiah Gadong, Brunei.

1) Borang tawaran dan penerangan lanjut boleh didapati di Ibu Pejabat Polis Diraja Gadong pada tiap-tiap hari bekerja 8.00 pagi hingga 4.00 petang dari Setiausaha Majlis Sukan Polis.

2) Borang tawaran hendaklah disertakan dengan kenyataan yang telah lalu dan kerja penyajian yang pernah dibuat serta senarai makanan, minuman dan jenis masakan yang akan dijual termasuk harganya.

3) Segala tawaran hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Majlis Sukan Polis Diraja Brunei Ibu Pejabat Polis, Gadong dan sampul surat itu mestilah ditutup rapi dengan tidak menaruh tanda-tanda atau nama pengirim kecuali dengan perkataan berikut:—

TENDER RESTORAN STADIUM HASSANAL BOLKIAH GADONG.

4) Tawaran ini akan ditutup pada hari Khamis 1 Disember, 1983 jam 12.00 tengah hari.

5) Majlis Sukan Polis tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

BRUNEI

## MEMPELAWA TAWARAN

TAWARAN-tawaran adalah dipersilakan dari Pemborong-pemborong yang dibenarkan oleh Syaikat untuk.

1. BILANGAN TAWARAN 001266/SES
KATEGORI FA1 KELAS B
Mengganti lantai kukuh akid dan beam capping, SES/3 Jetti, Kuala Belait.

Untuk keterangan yang lebih lanjut, sila rujuk ke Papan-papan kenyataan untuk Tawaran B.S.P.

## B.S.P. TENDER NOTICE No. SSU 13 83

A) Seamless Linepipe to API-5LX/X42, in drl of approx. 40 feet, Bevelled Ends, Bare, Carbon Content max. 0.23%.

| Item | Quantity | Description | Weight |
|---|---|---|---|
| 01 | 180 Jts. | 6" x 0.375" W.T. | 81 M/T |
| 02 | 70 Jts. | 8" x 0.375" W.T. | 41 M/T |
| 03 | 40 Jts. | 10" x 0.365" W.T. | 30 M/T |
| 04 | 530 Jts. | 12" x 0.375" W.T. | 470 M/T |

B) S.A.W. Linepipe to API-5LX/X52, in drl of approx. 40 feet, Bevelled Ends, Bare.

| Item | Quantity | Description | Weight |
|---|---|---|---|
| 05 | 1 Jt. | 20" x 0.500" W.T. | 2 M/T |
| 06 | 5 Jts. | 24" x 0.500" W.T. | 11 M/T |
| 07 | 20 Jts. | 28" x 0.500" W.T. | 53 M/T |

NOTES:—

1. All items can be viewed at Bredero Price Yard, Singapore.
Please contact: Mr. Bud McDonald or Mr. B.S. Tan,
69, Shipyard Road,
Jurong Ind. Estate,
Singapore 2262.
Tel. No. 2652355.
2. The closing date for receipt of tenders shall be 0900 hours on 5th December, 1983. Tenders should be addressed in sealed envelopes to:—
Chairman,
Tender Board,
Brunei Shell Petroleum Company Limited,
Seria,
State of Brunei.
"Endorsed: B.S.P. Tender Notice No. SSU 13/83".
3. Tenders shall be deposited in the Tender Box in the B.S.P. Co. Head Office.
4. The submission of a tender shall be deemed to constitute acceptance by the tenderer of all the terms of tendering. All other terms of tendering are as usual, and can be obtained on request at the SSU/15 office.

## B.S.P. TENDER NOTICE No. SSU 14 83

Item 1 — 1 Lot Armco Culvert 24" Dia. x 14 Gauge.

Item 2 — 20 Pcs. Freezing boxes with lid made of ½" plywood for storage and transportation of dry ice —80°C (Weight 1 ton) insulated with polystyrene and lined externally and internally with galvanized metal sheet.

Item 3 — 15 Pcs Freezing boxes with lid made of ½" plywood with 4" polystyrene or polyurethane foam lining. Internal sides of box and lid lined with galvanised metal sheets.

NOTES:—
Items 1 — can be viewed at SSU/242 Main Yard, Seria.
Items 2 and 3 — can be viewed at OPE/3 Production Laboratory, Seria.

1. The items to be sold can be viewed on any working day on application to:—
Supplies Department/Disposal Section,
B.S.P. Co. Ltd., Seria,
(SSU/15. Tel. No. 536 or 403 NIA).
2. The closing date for receipt of tenders shall be 1600 hours on 6th December, 1983. Tenders should be addressed in sealed envelopes to:—
Supplies Superintendent,
Brunei Shell Petroleum Company Limited,
Seria,
State of Brunei.
"Endorsed: B.S.P. Tender Notice No. SSU14/83"
3. Tenders are to be deposited in the Supplies Department Tender Box in NIA, Seria.
4. The submission of a tender shall be deemed to constitute acceptance by the Tenderer of all the terms of tendering. All other terms of tendering are as usual, and can be obtained on request at the SSU/15 office.

## JABATAN KERJA RAYA, BRUNEI — PEMBERITAHUAN TAWARAN

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. *Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Pejabat Pegawai Kewangan Negara di Tingkat Bawah Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin (pada tarikh yang ditetapkan) kecuali hari kelepasan awam.*
2. *Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.*
3. *Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama Projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei.*
4. *Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya Brunei, Bandar Seri Begawan, Brunei.*
5. *Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).*
6. *Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.*
7. *Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.*
8. *Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.*

### BIL. 392 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:
PROJEK: PEMBINAAN PARIT R.C. PENANAMAN RUMPUT DAN GRASSING (HYDROSEEDING) DI TEPI-TEPI BAHU JALAN, CURAM-CURAM DAN LAIN-LAIN KAWASAN YANG DIPILIH DI JALAN MASUK KE QUARTERS IBU PEJABAT POLIS GADONG, BRUNEI."

Dokumen-dokunen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 17 November, 1983.
Tarikh tutup: 21 November, 1983.
Cagaran tawaran: $300.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL. 393 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:
PROJEK: "PEMBINAAN SISTEM PEMBUANGAN SALURAN NAJIS BAGI PASAR BARU DI GADONG, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 1 Disember, 1983.
Tarikh tutup: 5 Disember, 1983.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (untuk lukisan).

### BIL. 394 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas Pembekal-Pembekal Am untuk:
PROJEK: "MENGADAKAN GAS COOKER"
1) MODEL MENGGUNAKAN ATAS MEJA
2) MODEL SAMA-SAMA OVEN
(SELAMA SATU TAHUN)

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 24 November, 1983.
Tarikh tutup: 28 November, 1983.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL. 395 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:
PROJEK: "PEMBEKALAN DAN MENGHANTAR PRE-CAST KONKRIT LUNGKANG KEPADA BAHAGIAN PEMELIHARAAN JALAN RAYA, JABATAN KERJA RAYA, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 24 November, 1983.
Tarikh tutup: 28 November, 1983.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL. 396 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pembekal-Pembekal untuk:
PROJEK: "PEMBEKALAN DAN MENGHANTAR DALAM JANGKA WAKTU SATU TAHUN TANDA-TANDA LALU LINTAS, NAMA JALAN DAN TANDA JALAN KEPADA JABATAN KERJA RAYA, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 24 November, 1983.
Tarikh tutup: 28 November, 1983.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL. 397 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:
PROJEK: "CADANGAN KERJA-KERJA TANAH ATAS LOT 2041 TEMBURONG UNTUK JABATAN KERJA RAYA BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 24 November, 1983.
Tarikh tutup: 28 November, 1983.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL. 398 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:
PROJEK: "CADANGAN PAGAR CHAIN LINK BAGI KAWASAN KERJA PEMELIHARAAN SALURAN NAJIS, SEKOLAH MELAYU SUNGAI KEBUN, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 24 November, 1983.
Tarikh tutup: 28 November, 1983.
Cagaran tawaran: $100.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL. 399 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'A' untuk:
PROJEK: "PUSAT BELIA DAN KOMPLEKS SUKAN PERINGKAT II, KUALA BELAIT."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Bangunan Tang Ching Ying batu 2 Jalan Gadong, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 5 Disember, 1983 hari Khamis 5 Disember, 1983.
Tarikh tutup: 19 Disember, 1983.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (Lukisan)

### BIL. 400 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:
PROJEK: "PEMASANGAN ELEKTRIK BAGI PUSAT BELIA DAN KOMPLEKS SUKAN PERINGKAT II, KUALA BELAIT."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di J. Roger Preston and Patners di Batu 1, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei Tel: 20259 dan 20814 hingga jam 4.00 petang hari Khamis 15 Disember, 1983.
Tarikh tutup: 19 Disember, 1983.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan)

## Tawaran Pejabat Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik Brunei

**TAWARAN BIL. 99/1983**

Tajuk Kerja: PEMASANGAN HAWA DINGIN UNTUK KLINIK BIDAN DAN PERUMAHAN DI KAMPUNG SUNGAI BESAR, BRUNEI.

Tarikh tutup: 19 Disember, 1983 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: $200.00.

Kelayakan bagi Pemborong: Pemborong Hawa Dingin "A", "B" dan "C".

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

**TAWARAN BIL. 100/1983**

Tajuk Kerja: PEMASANGAN HAWA DINGIN UNTUK KLINIK BIDAN DAN PERUMAHAN DI KAMPUNG SUBOK, BRUNEI.

Tarikh tutup: 19 Disember, 1983 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: $200.00.

Kelayakan bagi Pemborong: Pemborong Hawa Dingin "A", "B" dan "C".

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

**TAWARAN BIL. 120/1983**

Tajuk Kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK 2 BLOK 12 UNIT KELAS "E" RUMAH PANGSA DI JALAN LAPANGAN TERBANG LAMA, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tarikh tutup: 28 November, 1983 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: $200.00.

Kelayakan bagi Pemborong: Internal Wiring Kelas "B".

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

**TAWARAN BIL. 121/1983**

Tajuk Kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK 1 BLOK KELAS "F" RUMAH PANGSA DI JALAN LAPANGAN TERBANG LAMA, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tarikh tutup: 28 November, 1983 jam 12.00 tengah hari.

Kelayakan bagi Pemborong: Internal Wiring Kelas "B".

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

**TAWARAN BIL. 125/1983**

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong Bangunan Elektrik yang berdaftar Kelas "C" yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei sehingga jam 12.00 tengah hari, Isnin 5 Disember, 1983 bagi kerja-kerja berikut:—

PEMBINAAN BILIK REAKTER DI HALAMAN JANAKUASA SERIA.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Perkhidmatan-perkhidmatan Letrik, Brunei.

Cengkeram (deposit) untuk tawaran ini adalah $900.00

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SEBAGAI PENYUNTING KANAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PENYUNTING KANAN (INGGERIS) di Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bahagian Penerangan, Brunei.

Tanggagaji: C. 3-4 EB. 5 — $1735-$2580 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

a) Lulus mata pelajaran Bahasa Melayu/Kesusasteraan Melayu 'A' Level dan tiga mata pelajaran 'O' Level termasuk Bahasa Inggeris (tidak termasuk mata pelajaran senilukis); atau
b) Mempunyai Diploma yang diakui dalam bidang penerbitan dan percetakan atau pernah mengikuti kursus dalam bidang seni kreatif penulisan.
c) Mempunyai pengalaman dalam menyelenggarakan penyuntingan buku dan majalah tidak kurang 3 tahun.
d) Fasih menulis dan bertutur dalam Bahasa Inggeris.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Brunei. Tarikh tutup: 15 Disember, 1983.

( Bil : 221/1983 ).
( E/73/80 )

## TELECOMMUNICATIONS DEPARTMENT TENDER NOTICE PROJECT NO. 2042

1. TENDERS are invited from registered Telecoms contractors with A or B classification.
2. The said tenders are for Central-Gadong New Police Training Complex, Jalan Tungku.
3. Tenders should be placed in the Tenders Board, situated outside the office of the State Financial Officer on the ground floor of the State Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, not later than on Monday 12th December, 1983. Tenders received after the said time will be rejected.
4. Tenders should be submitted in a plain sealed envelope marked: —

TELECOMMUNICATIONS DEPARTMENT
TENDER FOR PROJECT 2042

5. Detailed tender documents can be obtained from the office of the Director of Telecommunications at Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Brunei upon a deposit of $300.00 which will be refunded to all unsuccessful tenderers. The tender deposit will be forfeited from any tenderer who fails to submit a tender.
6. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.
7. Joint consultation and on site inspection of the work is a condition of tender, and prospective contractors must meet with the Director's Representative at 0900 hours on Monday 5 December, 1983 at Junction DSI Record Office and Jalan Tungku, Gadong. Tenders will not be accepted from contractors who have not attended the jonit on site inspection.

## Sebagai Tradesman Tingkat 1 Di Pejabat Daerah Belait

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai TRADESMAN TINGKAT I di Pejabat Daerah Belait.

Tanggagaji: E. 1-2-3 EB. 4 $410-$700 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 25 hingga 45 tahun.
b) Mestilah pemandu yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu Kelas Lima (V) dan Kelas sebelas (XI) dan tidak pernah didakwa kerana kesalahan memandu.
c) Lulus Darjah V Sekolah Melayu atau yang sebanding dengannya.
d) Mestilah boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil kenderaan-kenderaan ringan dan mesin-mesin.
e) Berpengalaman dan pernah bekerja sebagai seorang Tradesman di sesebuah Workshop Motor/Mesin-mesin adalah merupakan satu kelebihan.

Tugas-tugas:

Pemohon-pemohon mestilah bersedia bertugas sebagai Pemandu atau membantu kerja membaiki kerosakan-kerosakan kenderaan/mesin dan mestilah bersedia untuk bertugas di luar waktu bekerja yang lazimnya bagi kakitangan Kerajaan.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan. Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Brunei. Tarikh tutup: 15 Disember, 1983.

( Bil : 220/1983 ).
( E/1033/78 ).

## GOVERNMENT OF THE STATE OF BRUNEI BSB WATER SUPPLY STAGE 4 CONTRACT 42 — BENUTAN DAM AND RESERVOIR PREQUALIFICATION OF CONTRACTORS

CIVIL Engineering contractors wishing to prequalify for the Benutan Dam Project as detailed below should submit full particulars of the firms capability and experience on the "Standard pre-qualification form for Contractors" published by the International Federation of Consultancy Engineers (FIDIC).

Only firms with experience of dam construction will be considered.

Forms together with a detailed scope of work description may be obtained from the offices of Watson Hawksley Asia Brunei or Singapore. Submissions on the standard form only will be accepted.

The project comprises: —

1) Earthfill embankment constructed from locally available materials including major dewatered excavation through recent alluvial deposits — maximum depth of excavation 85 ft. Total volume of earthworks approximately 4.3 million cubic yards.
2) Diversion/outlet tunnel of 12ft. dia. precast concrete segments approximately 700ft. long, reinforced concrete outlet shaft and tailbay structure.
3) Overflow spillway structure formed by reinforced concrete lined channel and stilling basin.
4) Miscellaneous site works including service roads, drainage, operations building, reservoir basin clearance.

Futher enquiries should be directed to: —

Watson Hawksley Asia,
Suite 40, Hongkong Bank Chambers,
Jalan Pemancha,
Bandar Seri Begawan,
STATE OF BRUNEI.

*or*

Watson Hawksley Asia,
Tunas Building,
114, Anson Road, 19-00,
SINGAPORE 0207

Submissions in duplicate should be made by 31st December, 1983 to either of the above offices. Successful candidates will be notified. No reason will be given why a particular contractor is not shortlised.

## TUNTUTAN CERAI TA'ALEk

DIMAKLUMKAN kepada AWANG SAMAD BIN HAJI MOHD ZAIN, Kad Pengenalan No. 030773 (Kuning) Warganegara Brunei di mana sahaja inanya berada di dalam Negara Brunei; Sibu, Sarawak, Malaysia dengan ini adalah dikehendaki hadir ke Mahkamah Kadi Daerah Belait, Brunei. Pada 12 Disember, 1983 bersamaan 7 Rabiulawal, 1404 jam 9.00 pagi, hari Isnin kerana isteri kamu; DAYANG RABIAH BINTE ANAI, menuntut cerai dengan jalan ta'alek — kiranya kamu tidak hadir maka perbicaraan akan dijalankan juga.

MAHKAMAH KADI
DAERAH BELAIT.

## Tawaran Jabatan Stor - Stor dan Perbekalan Negara

### No. 85/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 12 Disember, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei: —

SUPPLY OF CAST IRON FITTINGS TO BS 2035 CL "CD" PLAIN ENDED CLASS 'B' OR 'C' SUITABLE FOR USE WITH A/C PIPE CLASS "B" OR 'C'.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

### No. 86/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 12 Disember, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei: —

SUPPLY OF ASBESTOS CEMENT PRESSURE PIPES & JOINTS TO BS. 486/1966 CLASS 'B' OR 'C' BITUMEN DIPPED PIPES TO BE SUITABLY PROTECTED AGAINST SCHIPPING AT ENDS. PIPES SHOULD BE IN STANDARD LENGTH OF 4 METRES.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

### No. 87/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 12 Disember, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei: —

SUPPLY OF RUBBER DUST BIN WITH LID.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

### No. 88/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 12 Disember, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei: —

SUPPLY OF AIR VALVES 1" SELF ACTING, C. I. BODY & COVER WITH CONICAL RUBBER OUTLET SEAT & GUIDE FOR BALL ACTING UNDER PRESSURE. FITTED WITH 3.15/16 BALL FOR WORKING PRESSURE UP TO 12 BAR (400 FT) FITTED AT INLET WITH SWIVELLED VALVE STOP COCK, SCREWED MALE 1" BSPT. (REF. GEOGE KENT FIGURE NO. 211)

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

### No. 89/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin tengah hari, hari Isnin 12 Disember, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei: —

SUPPLY OF GALVANISED IRON PIPE FITTINGS FOR USE FOR GALVANISED IRON PIPE FOR WATER MEDIUM SERIES TO BS. 1387/1967

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan-Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong, Brunei semasa waktu-waktu bekerja

## ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT TENDER NOTICES

### TENDER No. 78/1983 SUPPLY OF CLANG PLAIN SOCKET

1. General Condition of RBMR Contract for purchase of Goods and Services dated February 1983 to apply.
2. Tenders should be placed in the Tenders Box, situated outside the office of the State Financial Officer, on the Ground Floor of the Secretariat Buildings, Bandar Seri Begawan, up to 12.00 noon, on Monday 28th November, 1983.
3. Samples are to be provided where possible. Should samples not be available then brochures or other descriptive literature is to be forwarded to Procurement Section RBMR to arrive not later than the closing date of the tender. Local photographs are not acceptable.
4. Tender documents can be seen and obtained from Procurement Office, Logistics Depot, Royal Brunei Malay Regiment, Bolkiah Camp, during normal hours. (0730 to 1230 and 1400 to 1630 Mondays to Thursday. 0730 to 1130 Fridays. Saturdays and Sundays closed).
5. The Government of Brunei does not bind itself to accept RBMR Contract for purchase of Goods and Services dated the lowest or any tender.

### TENDER No. 80/1983 SUPPLY OF FIRE EQUIPMENT

1. General Conditions of RBMR Contract for purchase of Goods and Services dated February 1983 are to apply.
2. Tenders should be placed in the Tenders Box situated outside the office of the State Financial Officer, on the ground floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, up to 1200 noon, on Monday 12th December, 1983.
3. Samples are to be provided where possible. Should samples not be available then brochures or other descriptive literature is to be forwarded to Procurement Section RBMR to arrive not later than the closing date of the tender. Local photographs are not acceptable.
4. Tender documents can be seen and obtained from Procurement Office, Logistic Depot, Royal Brunei Malay Regiment, Bolkiah Camp, during normal working hours. (0370 to 1230 and 1330 to 1630 Mondays to Thursdays. 0730 to 1130 Fridays. Saturdays and Sundays closed).
5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### TENDER No. 81/1983 SUPPLY OF SHIP SPARES

1. General Conditions of RBMR Contract for purchase of Goods and Services dated February 1983 are apply.
2. Tenders should be placed in the Tenders Box, situated outside the office of the State Financial Officer, on the ground floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, up to 1200 noon, on Monday 12th December, 1983.
3. Samples are to be provided where possible. Should samples not be available the brochures or other descriptive literature is to be fowarded to Procurement Section RBMR to arrive not later than the closing date of the tender. Local photographs are not acceptable.
4. Tender documents can be seen and obtained from Procurement Office, Logistic Depot, Royal Brunei Malay Regiment, Bolkiah Camp, during normal working hours. (0370 to 1230 and 1330 to 1630 Mondays to Thursdays. 0730 to 1130 Fridays. Saturdays and Sundays closed).
5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### TENDER No. 83/1983 SUPPLY OF COMMUNICATION EQUIPMENT

1. General conditions of RBMR Contract of purchase of Goods and Services dated February 1983 to apply.
2. Tenders should be placed in the Tenders Box, situated outside the office of the State Financial Officer, on the Ground Floor of the Secretariat Buildings, Bandar Seri Begawan, up to 12.00 noon, on Monday 12th December, 1983.
3. Samples are to be provided where possible. Should samples not be available then brochures or other descriptive literature is to be forwarded to Procurement Section RBMR to arrive not later than the closing date of the tender. Local photographs are not acceptable.
4. Tender documents can be seen and obtained from Procurement Office, Logistic Depot, Royal Brunei Malay Regiment, Bolkiah Camp, durnig normal hours. (0730 to 1230 and 1400 to 1630 Monday to Thursdays. 0730 to 1230 Fridays. Saturdays and Sundays closed).
5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### TENDER No. 84/1983 SUPPLY OF GENERAL STORES

1. General conditions of RBMR Contract of purchase of Goods and Services dated February 1983 to apply.
2. Tenders should be placed in the Tenders Box, s tuated outside the office of the State Financial Officer, on the Ground Floor of the Secretariat Buildings, Bandar Seri Bepawan, up to 12.00 noon on Monday 12th December, 1983.
3. Samples are to be provided where possible. Should samples not be available then brochures or other descriptive literature is to be forwarded to Procurement Section RBMR to arrive not later than the closing date of the tender. Local photographs are not acceptable.
4. Tender documents can be seen and obtained from Procurement Office, Logistic Depot, Royal Brunei Malay Regiment, Bolkiah Camp, during normal hours. (0730 to 1230 and 1400 to 1630 Mondays to Thursdays. 0730 to 1230 Fridays. Saturdays and Sundays closed).
5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## P'jaya Mahkamah angkat sumpah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, telah berkenan melantik dua orang hakim dari Hong Kong sebagai Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Mahkamah Besar di Brunei bagi tempoh selama tiga tahun.

Istiadat perlantikan dan mengangkat sumpah bagi Tuan Hakim William James Silke dan Tuan Hakim Kutlu Tekin Fuad telah dilangsungkan di hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan di Istana Darul Hana pada hari Isnin lepas.

Berangkat ke istiadat itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah.

Turut hadir ialah T.Y.T. Pesuruhjaya Tinggi British di Brunei, Awang Francis Cornish, Y.T.B. Penasihat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awg Haji Isa, YAB Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz, YB Pemangku Setiausaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abd. Rahman, Y.A.M. Pengiran-Pengiran Ceteria serta pegawai-pegawai kanan kerajaan.





ISTIADAT perlantikan dan mengangkat sumpah bagi Tuan Hakim William James Silke (kiri) dan Tuan Hakim Kutlu Tekin Fuad (atas) dilangsungkan di hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

## Ikuti kursus di M'sia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang pegawai dari Jabatan Majlis-Majlis Permesyuaratan Brunei kini berada di Kuala Lumpur untuk mengikuti Kursus Penempatan di Dewan Rakyat/Parlimen Malaysia selama sebulan. Mereka ialah Awang Omar bin Tunjang, Pemberita Majlis Kanan dan Pg Tajuddin bin Pg Mohd Daud, Penterjemah Kanan.

Awang Omar akan menjalani kursus dalam bidang kerja-kerja yang berkaitan dengan Pemberita Majlis manakala Pg Tajuddin pula mengikuti kursus dalam bidang kerja-kerja penterjemah kertas-kertas Majlis Mesyuarat dan cara-cara pengendalian Jurubahasa Serentak.

Penghantaran kedua-dua orang pegawai ini adalah bagi menambahkan lagi pengetahuan dan pengalaman dan mencari idea-idea dan pendekatan-pendekatan baharu dalam jurusan masing-masing.

Peluang yang diberikan ini adalah sebagai lanjutan kepada langkah Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam bagi meningkatkan lagi mutu kecekapan dalam bidang kerja khasnya di Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat.



## P'jaya Tinggi Kanada mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menerima mengadap Tuan Yang Terutama Tuan John Small, Pesuruhjaya Tinggi Kanada yang baru ke Kuala Lumpur pada hari Selasa 15 November yang baru lalu di Istana Darul Hana di sini. (gambar atas)

Berangkat sama ke istiadat tersebut ialah DYTM Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah. Majlis itu juga dihadiri oleh pembesar-pembesar negara.

Selesai istiadat tersebut TYT Tuan John Small kemudiannya mengadap ke hadapan majlis YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah di Hijau Baiduri.

TYT Tuan John Small tiba di negara ini pada 11 November lepas dalam rangka lawatan lima hari ke negara ini. TYT diiringi oleh isteri beliau Puan Small dan seorang Penasihat Perdagangannya Awang Philip Holton. Semasa berada di negara ini TYT Tuan John Small telah membuat beberapa kunjungan muhibah kepada beberapa orang Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan.

### Dalam memajukan ugama:

# RAKYAT MEMILIH JALAN YANG PRAKTIKAL

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengarah Penerangan Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman menyatakan dalam memajukan ugama Islam dan menuju pencapaiannya rakyat dan negara ini memilih jalan-jalan yang praktikal iaitu tidak terburu-buru semata-mata dengan dorongan semangat keugamaan.

Kerana itulah, jelas beliau, Kerajaan memberi penumpuan utama kepada meluaskan fahaman berugama menerusi pendidikan di sekolah dan di luar sekolah di samping mengukuhkan pendangan serta amalan berugama di kalangan umat Islam; dan dari sinilah perlahan-lahan nilai-nilai ugama rasmi itu diresapkan dan diterapkan ke dalam hal-ehwal masyarakat, Kerajaan dan negara.

Pengarah Penerangan menyatakan hal itu dalam kenyataannya kepada 37 orang ahli-ahli Badan Kebajikan Mualaf Daerah Belait dalam Siri Taklimat Penerangan pada pagi hari Sabtu lepas.

Perkembangan yang sedemikian itu, jelas Awang Haji Badaruddin lagi, mematutkan kita menginsafi bahawa kedudukan ugama Islam di Brunei adalah kukuh tetapi keinsafan sedemikian tidak memadai bagi menjamin kekukuhan dan bagi menentukan kedudukannya di masa hadapan.

"Kita patutlah melihat kedudukan istimewa Islam itu dengan sentiasa menaruh kecemburuan terhadap sebarang tanda-tanda yang boleh mencemarkannya dan melemahkannya serta akhirnya boleh merubah kedudukannya dan kedudukan taraf negara kita sebagai sebuah negara Islam," ujarnya.

Beliau seterusnya mengharapkan ahli-ahli Badan Kebajikan Mualaf Daerah Belait akan memberikan sumbangan dalam meneguhkan pegangan keugamaan di kalangan sesama orang Islam; dan mereka serta lain-lain badan seumpamanya adalah juga perlu memainkan peranan mengawal diri dari menjadi ejen-ejen penyalur pengaruh-pengaruh yang boleh melemahkan kedudukan ugama Islam di negara ini.

### PEMBETULAN

PELITA Brunei keluaran 9 November yang baru lalu muka depan ruang satu para kedua yang akhir terdapat kesilapan mengenai nama Ketua Tutong Garison. Nama yang sebenarnya ialah Y.D.M. Pehin Datu Harimau Padang Lt. Kol. Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Husin bin Ahmad. Pihak Pengarang memohon maaf atas kesilapan yang tidak disengajakan itu.

## Teka Tepat anjuran RTB

BANDAR SERI BEGAWAN. — RTB sedang menganjurkan rancangan Teka-Tepat yang terbuka khusus bagi kanak-kanak yang berumur antara 10 — 13 tahun.

Borang-borang sekarang boleh diperolehi dari penyambut tetamu atau terus kepada Awang Sallehuddin bin Haji Ibrahim di Jabatan RTB.

## Pengendali makanan terima sijil

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu majlis penyampaian sijil-sijil kepada seramai 21 orang pengendali-pengendali makanan bagi kawasan daerah Brunei dan Muara telah diadakan di Dewan Kuliah Peringatan Churchill di sini pada hari Sabtu lepas.

Penyampaian sijil-sijil tersebut telah disempurnakan oleh Y.B. Dato Paduka Dr Awang Haji Johar bin Dato Paduka Haji Nordin, Pengarah Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan.

Sebelum itu ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh Awang Chua Kong Seng, Pegawai Pelajaran Kesihatan Perubatan, selaku pengerusi kursus. Ini diikuti oleh ucapan Setiausaha Lembaga Bandaran, Awang Ahmad Bokhari bin PSRK Haji Abu Hanifah.

Kursus selama empat hari itu telah diadakan pada bulan Oktober lepas bertempat di Pusat Latihan Teknikal, Jalan Muara, dianjurkan oleh Jabatan Perubatan dan Kesihatan dengan kerjasama Jabatan Pelajaran.

Antara yang hadir pada pagi itu ialah Timbalan Pengarah Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan, Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Pemangku Pegawai Daerah Temburong, serta pegawai-pegawai kanan Jabatan Perubatan. Doa selamat dibacakan oleh Mudim Awang Mustapha bin Haji Murad.

DITERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIAUSAHA KERAJAAN DAN DICETAK OLEH JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN BRUNEI.